



MENUJU PENYEMPURNAAN



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Laporan Kemajuan Tahunan 2021



Singkatan

APAD	• Agensi Pengangkutan Awam Darat
KVMRT	• Transit Aliran Massa Lembah Klang
MRT Corp	• Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
MRTS	• Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd
PDP	• Rakan Pelaksana Projek
TC	• Kontraktor Siap Pakai
Prasarana	• Prasarana Malaysia Berhad
Laluan KG	• Laluan Kajang
Laluan PY	• Laluan Kajang
RTS Link	• Rapid Transit Sistem Link


KANDUNGAN

Singkatan	4
Seimbias Lalu	6
Ulaskan Ketua Pegawai Eksekutif	10
Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd	
Visi, Misi dan Prinsip Panduan	16
Lembaga Pengarah	18
Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah	22
Barisan Kepimpinan	24
Integriti	26
Sistem Pengurusan Berintegriti	28
Pengurusan Risiko	30
Projek MRT Lembah Klang	
Rangkaian Rel Bandar Berintegriti Lembah Klang (Peta)	34
MRT Laluan Putrajaya	
Peta Jajaran MRT Laluan Putrajaya	39
Pembinaan	40
Bas Perantara	44
Perolehan	46
Program Kolaborasi Industri	47
Penyertaan Bumiputera	48
Tanah	50
Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	51
Kuarters Pekerja	52
Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	53
MRT Laluan Kajang	
Peta Jajaran MRT Laluan Kajang	57
Operasi dan Pengurusan Aset	58
Tempoh Liabiliti Kerosakan	58
Perolehan	59
Tanah	59
Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	60
RTS Link Johor Bahru - Singapura	
Peta Jajaran RTS Link	65
Pembinaan	66
Perolehan	67
Tanah	68
Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	69
Komersial	
Pembangunan Perniagaan	72
Pengiklanan	73
Sewaan Ruang Niaga dan Aset Komersial	74
Acara dan Aktivasi	75
Telekomunikasi Komersial	75
Laporan Kewangan	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021	78
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2021	79
Penyata Perubahan Ekuiti untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2021	79
Penyata Aliran Tunai untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2021	80
Pakej Kerja Yang Dianugerahkan	
MRT Laluan Kajang	84
MRT Laluan Putrajaya	89
RTS Link	93

Seimbas Lalu

19 Februari 2021

Rekabentuk moden dan futuristik Stesen RTS Link Bukit Chagar, bertemakan 'Integration of Two', telah diumumkan sebaik sahaja Pertandingan Rekabentuk Fasad Stesen RTS Link PAM+MRT Corp berakhir.



17 Mac 2021

Tren Laluan PY yang terakhir dikeluarkan daripada kilang Hyundai-Rotem di Changwon, Korea Selatan, untuk diantar ke Malaysia melalui laut.



3 April 2021

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dan Timbalan Menteri Kewangan I Dato' Datuk Abd Rahim Bakri melawat Fasa Satu Laluan PY untuk memeriksa kesiapsiagaan operasi laluan.




12 April 2021

MRT Corp menerima sijil Kemampunan 5-Bintang INFRASTAR bagi Laluan PY sebagai sebuah infrastruktur mampan. Sijil ini telah diserahkan oleh Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim



13 April 2021

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim memperkenalkan Projek MRT3 Laluan Lingkaran kepada pihak media, jururunding, pemain industri dan pihak berkepentingan yang lain di dalam satu sesi taklimat bertajuk 'Insights: MRT3 Circle Line'.



4 Mei 2021

INFINITY, rekabentuk oleh pasukan suami isteri Jaihar Jailani Ismail dan Noor Syahidah Abdullah yang berasal dari Johor Bahru memenangi hadiah pertama Pertandingan Rekabentuk Tempat Duduk Stesen Bawah Tanah Laluan PY - TRANSEAT.



23 Julai 2021

Dua bas perantara MRT telah digunakan untuk membawa ahli persatuan RC Deaf Missions Malaysia (RCDM) ke Pusat Kesihatan Universiti Malaya (UMMC) untuk tujuan vaksinasi Covid-19.



4 Oktober 2021

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dan Menteri Wilayah Persekutuan Dato' Seri Dr Shahidan Kassim melawat Kotak Sesilang Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan menyusuri terowong bawah tanah ke Stesen MRT HKL pada 4 Oktober 2021 untuk memeriksa kerja-kerja bawah tanah Laluan PY.



1 November 2021

Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) Datuk Azlan Shah Al Bakri memeriksa kesiapsiagaan stesen dan tren Fasa Satu Laluan PY.



10 November 2021

Bahagian Darat Kementerian Pengangkutan (MOT) melawat beberapa stesen sepanjang jajaran Fasa Satu Laluan PY untuk memeriksa kesiapsiagaan operasi.



20 November 2021

Set tren elektrik terakhir bagi Laluan PY telah berjaya dihantar ke Depoh MRT Serdang.



22 November 2021

Kempen Kesedaran Anti-Rasuah di Pengangkutan Awam telah dirasmikan di Stesen MRT Muzium Negara oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (MACC) Tan Sri Azam Baki dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim.



23 November 2021

Delegasi dari Kementerian Pengangkutan melawat beberapa tapak Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura sempena bermulanya kerja-kerja pembinaan projek.



14 Disember 2021

Projek Laluan PY memenangi dua anugerah Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC) yang telah disampaikan kepada MRT Corp bersempena dengan Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) dan Hari SHASSIC 2021.



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tahun Kewangan 2021 merupakan tahun di mana MRT Corp merencanakan perjalanan ke arah mendapatkan semula momentum projek-projek selepas mengharungi kemuncak pandemik Covid-19, dan juga cabaran-cabaran lain dalam tahun sebelumnya.

Walaupun kerja-kerja pembinaan tidak dihentikan, kesan dari pandemik telah menyebabkan MRT Corp dan projek-projeknya menghadapi pelbagai kekangan. Dalam tempoh ini, MRT Corp bersama dengan Kontraktor Siap Pakai dan Kontraktor Pakej Kerja telah meletakkan keselamatan dan kebajikan warga kerja sebagai keutamaan kami.

Dengan adanya pemeriksaan kerap bagi seluruh warga kerja dan tindakan yang cepat bagi mereka yang positif, kami berjaya mengendalikan situasi dan mengelakkan penderitaan akibat penangguhan. Langkah-langkah ini turut mempersiapkan kami dengan lebih baik untuk proses pemulihan.

Langkah Terakhir bagi Laluan Putrajaya

MRT Corp amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa pada pengakhiran tempoh laporan, pembinaan keseluruhan Laluan Putrajaya adalah pada 96.54% siap. Fasa Satu di antara Kwasa Damansara dengan Kampung Batu adalah pada 99.74% di mana keseluruhan aktiviti pembinaan telah selesai. Kesemua sembilan stesen telah memperolehi Pensijilan Siap dan Pematuhan.

Pada mulanya, Fasa Satu akan dibuka kepada orang ramai pada bulan November 2021. Namun begitu, dua daripada beratus modul sistem operasi tren memerlukan penelitian lanjutan. Sebagai tren yang dikendalikan sepenuhnya secara automatik, keselamatan para penumpang perlu diutamakan dan tidak boleh diambil ringan.

Ini bermaksud kesemua lapisan sistem utama, sekunder dan ketiga perlu berada dalam keadaan stabil sebelum kami mengambil alih aset dari Kontraktor Siap Pakai dan diluluskan untuk beroperasi. Oleh kerana kestabilan lapisan ketiga tidak dapat dicapai, kami terpaksa membuat keputusan yang tidak popular dan menukar tarikh pembukaan Fasa Dua kepada pertengahan tahun 2022.

Bagi baki laluan di antara Kampung Batu dan Putrajaya Sentral di bawah operasi Fasa Dua, terowong dan jambat telah siap dan telah diserahkan kepada Kontraktor Kerja Landasan untuk kerja-kerja pemasangan landasan. Pada akhir tempoh laporan, kesemua kerja-kerja landasan bagi bahagian bertingkat telah siap sementara bahagian bawah tanah adalah pada 99% siap.

Bagi stesen bertingkat; pemasangan akhir, penyelesaian masalah-masalah kecil dan persediaan untuk permohonan Pensijilan Pematuhan dan Perakuan Siap sedang dijalankan. Bagi kesemua stesen bawah tanah dan bangunan sampingan; kerja-kerja seni bina dan perapian, kerja-kerja elektrik dan mekanikal dan juga bangunan perkhidmatan dan kerja-kerja sistem hampir selesai.

Pada akhir tempoh laporan, kebanyakan kerja-kerja sistem bagi Fasa Dua juga hampir selesai. Pencapaian utama kerja-kerja sistem telah dicapai pada 20 November 2021 di mana tren set yang ke 49 dan terakhir telah dihantar ke Depoh Serdang.

Dengan semua kemajuan yang telah berjaya dicapai, kami yakin akan dapat membuka Fasa Dua pada Januari 2023.

Aktiviti-aktiviti Projek RTS Link Diteruskan

Sehari selepas upacara pecah tanah Projek RTS Link pada 22 November 2020, MRT Corp dan Persatuan Akitek Malaysia (PAM) telah melancarkan Pertandingan Reka Bentuk Fasad Station RTS Link PAM+MRT Corp bagi reka bentuk luaran Stesen RTS Link Bukit Chagar.

Panel juri dipengerusikan oleh Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, yang juga merupakan penaung pertandingan tersebut, telah bersidang pada 8 Februari 2021 untuk menilai penyertaan dan memilih pemenang reka bentuk luaran.

Penyertaan yang memenangi pertandingan ini bertemakan 'The Integration of Two' oleh SM Architects Sdn Bhd yang bertapak di Johor Bahru telah diumumkan pada 19 Februari 2021. Dengan reka bentuk luaran yang moden dan tersergam indah, kami yakin bahawa Stesen RTS Link Bukit Chagar bukan hanya sebuah mercu tanda ikonik baru di Johor Bahru malah salah satu di antara stesen tren terbaik di dunia.

Pemeriksaan awam mandatori selama tiga bulan bagi Projek RTS Link turut diadakan dalam tempoh laporan. Ia telah diadakan secara maya pada 15 Januari 2021 berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, diikuti dengan pembukaan reruai pemeriksaan awam di Pusat Konvensyen Komtar Johor Bahru (JBCC) dan juga di ibu pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di Kuala Lumpur pada 15 Mac 2021 hingga 15 April 2021. Pemeriksaan awam ini telah mendapat pelbagai maklum balas yang baik daripada para pengunjung sepanjang tempoh tersebut, di mana 96% menyokong projek ini.

Kami turut berbesar hati untuk melaporkan bahawa proses pengambilan tanah bagi Projek RTS Link telah selesai dalam tempoh laporan. Sejumlah 48 lot telah diambil bagi projek ini, dan pembayaran pampasan telah selesai. Proses pengambilan tanah berjalan dengan baik tanpa sebarang insiden, kecuali satu kes di Kampung WadiHana di mana seorang penghuni tidak mahu berpindah. Satu penguatkuasaan telah dijalankan tanpa sebarang insiden, dan penghuni tersebut telah ditempatkan di sebuah rumah transit yang disediakan oleh MRT Corp.

Di antara aktiviti-aktiviti lain yang telah diadakan sepanjang tempoh laporan ialah aktiviti-aktiviti pra-pembinaan; pemasangan penghadang, pejabat tapak, cerucuk ujian awalan dan penilaian risiko marin. Pengesahan 'tiada bantahan' turut diperolehi daripada kesemua sembilan pembekal perkhidmatan utiliti supaya kerja-kerja penempatan semula utiliti dapat dijalankan.

Sepanjang tempoh laporan, mesyuarat dan perbincangan kerap diadakan dengan Land Transport Authority of Singapore - syarikat infrastruktur bagi projek ini di Singapura, dan RTS Operations Pte Ltd - pengendali operasi akan datang bagi RTS Link, untuk menyelaras dan mengharmonikan kerja-kerja pembinaan.

Memulakan Kesalinghubungan Terakhir

Pada pembentangan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat pada 6 November 2022, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan untuk menghidupkan semula Projek MRT3 Laluan Lingkaran yang telah diketepikan pada tahun 2018.

Pengumuman penting ini menandakan pembukaan semula satu lembaran dalam pembangunan Projek MRT Lembah Klang, yang merupakan kesalinghubungan terakhir yang penting dalam merealisasikan Rangkaian Rel Transit Berintegrasi Kuala Lumpur.

Berikutan pengumuman ini, MRT Corp telah mengadakan beberapa aktiviti-aktiviti awalan dengan memperkenalkan wawasan projek ini kepada industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan, dan juga peluang untuk menilai kesiapsiagaan sektor pembinaan dalam menguruskan sesebuah megaprojek seperti ini.

Satu usaha telah dilakukan, di mana MRT Corp telah mengadakan satu sesi bertajuk 'Insights: MRT3 Circle Line' pada 13 April 2021 untuk berkongsi dengan pemain industri penting bagaimana projek akan dilaksanakan. Kenyataan penting yang telah disampaikan adalah bagaimana projek ini bukan hanya projek pembinaan mahupun infrastruktur, kerana ia turut mengandungi program sosio-ekonomi yang akan mencetuskan transformasi ekonomi negara.

Ini diikuti dengan aktiviti Permohonan Maklumat yang dimulakan dengan sesi taklimat pada 19 April 2021. Dalam sesi ini, MRT Corp telah menjemput pemain industri pembinaan untuk memberikan maklum balas berkenaan projek yang dicadangkan. Lebih daripada 60 pemain industri telah menghadiri taklimat ini, dan 40 daripada mereka telah memberikan maklum balas berkenaan keadaan industri pembinaan selepas pandemik.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan dalam tempoh laporan termasuk kajian ke atas jajaran dan jumlah penumpang, pemeriksaan tanah, penilaian terperinci impak alam sekitar, penilaian impak sosial dan juga penilaian impak warisan.

Dengan beberapa pencapaian yang telah dicapai, MRT Corp berada di tahap yang baik untuk terus menjalankan kerja sebaik sahaja pihak Kerajaan memberikan kebenaran untuk meneruskan pelaksanaan projek, yang dijangka bermula pada separuh pertama tahun depan.

Kembali Optimis

Sebaik sahaja kami mengakhiri tempoh laporan, MRT Corp dapat menilai bagaimana ianya menghadapi cabaran Covid-19 dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk maju ke hadapan.

Sementara negara mengorak langkah ke arah pemulihan, MRT sebagai pemilik dan pemaju Projek MRT Lembah Klang yang berimpak tinggi, memainkan peranan yang penting dalam menerajui pemulihan, dan seterusnya memperkasakan perkembangan ekonomi negara.

MRT Corp menyedari kepentingan peranan ini yang perlu kami lakukan. Kami yakin bahawa kami mampu untuk menghadapi pelbagai cabaran dan memainkan peranan yang telah diamanahkan kepada kami.

Terima kasih.



Zarif Hashim

DATUK MOHD ZARIF HASHIM

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd





Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd

MRT Corp ditubuhkan pada 2011 dan dimiliki penuh oleh Menteri Kewangan Malaysia, Diperbadankan. Syarikat ini menerajui pembangunan rel metro di Malaysia.

Pada 2017, MRT Corp telah berjaya menyiapkan laluan MRT yang pertama di negara ini, MRT Laluan KG (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang atau Laluan SBK) sepanjang 51km.

Syarikat ini sedang menyiapkan MRT Laluan PY (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya atau Laluan SSP), dengan Fasa Satu dijadualkan bermula beroperasi pada 2021. Keseluruhan Laluan MRT PY akan beroperasi pada Januari 2023.

MRT Corp turut dilantik sebagai InfraCo Malaysia bagi Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura. Kerja-kerja infrastruktur sivil projek ini dijadualkan selesai pada Disember 2024 sementara keseluruhan laluan disasarkan akan dibuka pada 31 Disember 2026.

MRT Corp turut merancang dan mereka bentuk rangkaian rel metro yang akan datang. Dalam segala usaha yang dicurahkan, MRT Corp bertungkus-lumus untuk menjadi pemangkin pembangunan semula sosio-ekonomi bandar melalui sistem pengangkutan rel metro yang inklusif dan pembangunan komuniti berasaskan transit.

Visi

Untuk diiktiraf sebagai penyedia utama perkhidmatan rel bandar.

Misi

Untuk menghasilkan dan menyampaikan satu sistem MRT yang efektif, efisien dan bersepadu; dengan selamat mengikut jadual dan menepati kos.

Prinsip Panduan

KETERBUKAAN

Kami saling menghormati antara satu sama lain, menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan di bawah satu kepimpinan.

KERJASAMA

Kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan ke arah mencapai matlamat bersama.

KEJUJURAN

Kami sentiasa mendukung kejujuran dan integriti.

KECEMERLANGAN

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul.

TANGGUNGJAWAB

Kami sentiasa bertindak secara sensitif dan bertanggungjawab di atas segala tindakan dan hasil kerja.

Lembaga Pengarah



DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID

Pengerusi

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, 60, merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah MRT Corp.

Sebelum ini, beliau adalah Pengerusi FGV Holdings Berhad dari 2017 hingga April 2021. Beliau juga merupakan Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad dari 2017 hingga Mei 2020.

Sebelum berpindah ke FGV Holdings, beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan Malakoff Corporation Berhad dari 2016 hingga 2017. Dalam tempoh yang sama, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Tradewinds Corporation iaitu Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan dari 2015 hingga 2016.

Antara 2011 dan 2014 beliau mengetuai MRT Corp yang baru ditubuhkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang pertama.

Beliau juga pernah bekerja di Sime Darby Group, dengan memegang jawatan sebagai Naib Presiden Eksekutif/Ketua Bahagian Perladangan dan Perniagaan Pertanian, Pengarah Urusan Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Pengarah Bahagian Perladangan dan Pemakanan, Pengarah Urusan Sime Darby Plantations Sdn Bhd, Pengarah Bahagian Peralatan Berat Asia Pasifik, Pengarah Urusan Tractors Malaysia Holdings dan Pengarah Pembangunan Perniagaan Sime Darby Plantations Sdn Bhd, selepas menyertai semula kumpulan ini pada 2003.

Jawatan utama beliau di Sime Darby Group di antara 1994 dan 2001 adalah Pengurus Besar Kumpulan dalam Bahagian Kejuruteraan, Minyak dan Gas, Pengarah Pembangunan Perniagaan Sime Conoco Sdn Bhd dan Pengawal Kewangan Sime Tyres International Sdn Bhd.

Antara jawatan pertama beliau di Sime Darby Group dari 2001 hingga 2002, adalah mengetuai Pernas International Holdings Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Beliau merupakan seorang ahli di Malaysian Institute of Accountants (MIA).



DATUK ISHAM ISHAK

Datuk Isham Ishak, 53, merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sebelum menjawat jawatan ini, beliau adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dari 17 Februari 2019 hingga 24 November 2019 dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dari 2 Julai 2018 hingga 16 Februari 2019. Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI dari 2016 hingga 2018.

Beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian berkaitan dengan aspek perdagangan dan industri antarabangsa semasa berada di MITI, termasuk Fasiliti Perdagangan, Perancangan Strategik, WTO, APEC dan ASEAN. Beliau telah berjaya membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMESs) di Malaysia semasa berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia. Beliau turut berkhidmat sebagai Penasihat Menteri di Pejabat MITI Washington D.C. dari 2006 hingga 2011.

Beliau merupakan Pegawai Khas kepada mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Rafidah Aziz dari 2004 hingga 2006 dan Pegawai Khas kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Semasa berkhidmat di dalam perkhidmatan awam, beliau adalah Ketua Perunding untuk Malaysia bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dari 2016 hingga 2018. Beliau adalah Timbalan Ketua Perunding bagi Malaysia untuk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang kemudiannya dikenali sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTTP) dari 2011 hingga 2015. Beliau juga merupakan salah seorang Perunding Malaysia untuk D-8 atau 8-Organisasi Membangun untuk Kerjasama Ekonomi dan Ketua Malaysia untuk Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perkhidmatan (CCS).

Semasa berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI, beliau turut dilantik sebagai Pegawai Kanan Ekonomi untuk Malaysia, untuk menyelia pelaksanaan Pelan Induk Komuniti Ekonomi (AEC) di Malaysia dan ASEAN semasa berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha MITI.

Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd, sebuah anak syarikat MRT Corp yang ditubuhkan sebagai syarikat infrastruktur Malaysia (InfraCo) bagi RTS Link.



DATO' DR AMIRUDDIN MUHAMED

Dato' Amiruddin Muhamed, 50, ialah Timbalan Setiausaha (Strategik dan Am) Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan Kementerian Kewangan.

Sebelum beliau dilantik ke jawatan tersebut pada Ogos 2018, beliau merupakan ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, jawatan yang dipegangnya sejak 2014.

Sebelum itu, beliau telah memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan, bermula di Jabatan Akauntan Negara di mana beliau memegang jawatan Penolong Pengarah. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan, MKD (Diperbadankan) dan Penswastaaan di mana beliau memegang jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kanan.

Di antara tugas beliau adalah menguruskan aktiviti pengkorporatan dan penswastaaan agensi di bawah bidang kuasa Kementerian tertentu. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan Strategik.

Dato' Dr Amiruddin memegang Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari Durham University, United Kingdom. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan Ekonomi) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



DATO' NOORIZAH ABD HAMID

Dato' Noorizah Abd Hamid, 62 merupakan mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad.

Semasa menerajui syarikat tersebut, beliau terlibat dalam perundingan dan perolehan beberapa projek lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkdua) dan Lebuh raya Butterworth-Kulim serta lebuh raya-lebuh raya di Indonesia dan India.

Beliau turut terlibat dalam penswastan PLUS Expressway Bhd, di mana beliau terlibat dalam rundingan dengan Kerajaan dalam menyemak semula perjanjian konsesi syarikat dan turut menjana sukuk sebanyak RM30.6 bilion – terbitan bon Islamik yang terbesar di dunia – Dalam penstrukturan semula syarikat.

Beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi Faber Group Berhad dari 1999 hingga 2003, dan Pengarah Urusan Faber Group Berhad dan Faber Hotels Holdings Berhad dari 2004 hingga 2007 di mana beliau telah menguruskan keseluruhan syarikat tersebut. Semasa beliau berkhidmat di Faber, tugas utama beliau adalah melaksanakan penyusunan semula kewangan syarikat yang merosot.

Jawatan kanan lain yang pernah dijabat beliau termasuk Pengurus Besar Kanan Kewangan Projek Lebuh raya Utara Selatan Berhad, Pengurus Kanan Kewangan Korporat HatiBudi Management Sdn Bhd, Pengurus Korporat Renong Berhad dan Pegawai Kanan Kewangan Korporat Permodalan Nasional Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Pengurusan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari universiti yang sama dan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA.



ENCIK MOHD KHALID HAJI MOHAMED

Encik Mohd Khaliid Haji Mohamed, 68, merupakan Pengarah Syarikat Dasar Wijaya Sdn Bhd, sebuah firma pembinaan yang menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan pembangunan perumahan dan pembinaan awam.

Sebelum ini, beliau terlibat dalam Projek Lebuh raya Lembah Klang Timur (EKVE) sebagai Pengurus Besar Kanan di Ahmad Zaki Sdn Bhd, di mana beliau telah mengetuai rundingan terma teknikal dan komersial untuk Perjanjian Konsesi dengan Kementerian Kerja Raya.

Ketika berkhidmat di sana, beliau turut membantu mendapatkan pembiayaan sukuk sebanyak RM2 bilion dan bekerjasama untuk mendapatkan Pinjaman Sokongan Kerajaan berjumlah RM635 juta.

Antara jawatan lain yang pernah dijabat adalah Pengurus Besar IJM Construction Sdn Bhd, di mana beliau telah diberi kepercayaan untuk menubuhkan dan mengetuai syarikat konsesi sehingga pengoperasian sepenuhnya Projek Lebuh raya Kajang Seremban (LEKAS) dan Pengurus Kanan Usahasama Gamuda-Percon bagi Projek Lebuh raya Shah Alam (KESAS).

Beliau juga merupakan Ketua Kejuruteraan untuk Projek Penyelenggaraan Lebuh raya Berhad (PROPEL) dan terlibat dalam pembinaan Lebuh raya PLUS. Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Kerja Raya pada 1979.

Beliau memperolehi Diploma Nasional dalam bidang Kejuruteraan pada tahun 1975 dari Southampton Technical College, United Kingdom di mana beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains pada 1978.

Beliau juga adalah Pengarah Non-Eksekutif Tabung Haji Heavy Engineering Berhad sejak Ogos 2019.



AR SAIFUDDIN AHMAD

Ar Saifuddin Ahmad, 60, merupakan Prinsipal Saifuddin Architect dan Pengurus Urusan SNO Architects Sdn Bhd.

Beliau bermula kerjayanya sebagai pembantu teknikal dengan JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1980. Beliau melanjutkan pelajarannya di Australia dan menyertai semula JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Arkitek pada tahun 1983. Selepas menjadi seorang arkitek berdaftar pada 1986, Saifuddin meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan dan menyertai BBMB Properties Sdn Bhd sebagai arkitek dalaman pada 1988. Beliau juga merupakan Rakan Kongsi Kumpulan Perunding Kuala Lumpur dari 1990 hingga 1993, semasa beliau dilantik sebagai Pengarah Davenport Campbell Consultancy (M) Sdn Bhd. Pada tahun 1996, beliau menubuhkan Saifuddin Architect sebagai Prinsipal dan setahun kemudian, menubuhkan dan menjadi Pengarah SNO Architects Sdn Bhd.

Beliau tamat pengajian dengan Diploma Seni Bina di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur pada 1980, dan lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dari Universiti Deakin, Australia pada tahun 1983. Beliau telah dianugerahkan Alumni Tahun 2020 oleh alma mater, Deakin University, Australia, dan menjadi orang Malaysia pertama yang menerima anugerah tersebut.

Beliau merupakan anggota Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Registered Asean Architect, Ahli Kehormat dan Arkitek di Australian Institute of Architects (APEC), Association of Siamese Architects by Royal Patronage, Ahli Majlis Wilayah IV the Kesatuan Antarabangsa Arkitek (UIA) (2017-2021), Naib Presiden Zon B Arcasia (2019-2021), Presiden Majlis PAM (2011-2013). Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dari (2007-2015), wakil LAM di Lembaga Perancang Bandar (2008-2009), Lembaga Juruukur Bahan (2009-2017) dan ahli Exco Balai Iktis Malaysia (BIM) (2010-2011). Beliau juga merupakan Pengerusi Green Building Index Sdn Bhd (2012-2013).

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah di Universiti Malaya sejak 2011. Beliau merupakan Pengerusi Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Pusat Pakar Universiti Malaya; pertama kali kedua-dua hospital mempunyai Pengerusi yang sama. Beliau bertanggungjawab mengemukakan Pertandingan Konsep Pelan Induk Universiti Malaya pada 2016 dan kini menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pelan Induk. Beliau adalah Pengerusi Kerja Inisiatif CIDB mengenai Promosi IWG5-CITP dan ahli jawatankuasa Program Transformasi Industri Pembinaan - TWG1.



PUAN AZIAN KASSIM

Puan Azian Kassim, 55, dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah MRT Corp pada 26 Ogos 2021. Beliau merupakan Felo Persatuan Akauntan Bertauliah, United Kingdom dan Akauntan Berkanun yang berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia. Beliau berpengalaman selama 27 tahun dalam pasaran modal dan menguruskan portfolio pelaburan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang juruaudit. Pada tahun 1992, beliau menyertai BBMB Unit Trust Management Berhad sebagai Pegawai/Penganalisis Pelaburan dan pada tahun 1995, beliau menyertai Perwira Affin Merchant Bank Berhad sebagai Penolong Pengurus. Pada tahun 1996 beliau menyertai RHB Asset Management Sdn Bhd sebagai Pengurus dan pada tahun 1999 dan 2001, beliau dinaikkan pangkat kepada Pengurus Kanan dan Penolong Pengurus Besar.

Beliau kemudiannya menyertai Maybank Investment Management Sdn Bhd sebagai Ketua Pegawai Pelaburan dari tahun 2004 hingga 2007. Beliau bertanggungjawab ke atas pelaburan dan strategi syarikat tersebut.

Pada tahun 2007, beliau menyertai Syarikat Takaful Malaysia Berhad, yang kini dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, sebagai Ketua Pegawai Pelaburan dan beliau menerajui bahagian pelaburan dan berperanan penting dalam mengembangkan kemampuan pengurusan portfolio yang kukuh bagi bahagian tersebut.

Beliau kini memegang jawatan Pengarah Non-Eksekutif Bebas di Perak Transit Berhad dan merupakan ahli panel pelaburan Urusharta Jamaah Sdn Bhd.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah MRT Corp telah menubuhkan empat jawatankuasa untuk memastikan integriti dan tadbir urus korporat syarikat yang baik. Empat jawatankuasa tersebut adalah:

- *Jawatankuasa Audit dan Risiko*
- *Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran*
- *Jawatankuasa Pemberi Maklumat*
- *Jawatankuasa Perbankan*

Ahli-ahli setiap jawatankuasa terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah.



Barisan Kepimpinan



Datuk Mohd Zarif Hashim
Ketua Pegawai Eksekutif

Datuk Mohd Zarif Hashim adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. Beliau menetapkan hala tuju strategik keseluruhan organisasi dan memastikan pelaksanaan projek-projek adalah sejajar dengan mandat Kerajaan dan selari dengan halatuju yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.



Encik Azwa Abdul Aziz
Ketua Pegawai Komersial

Encik Azwa Abdul Aziz bertanggungjawab ke atas pelaksanaan aktiviti-aktiviti komersial bagi memastikan pengurusan perolehan dan kontrak dilaksanakan dengan lebih efisien, telus, dan cekap, pada masa yang sama memastikan kawalan kos yang baik untuk semua projek. Beliau turut ditugaskan untuk menguruskan aktiviti-aktiviti bukan tambang dan pelaksanaan agenda Bumiputera dalam projek-projek MRT Corp.



Ir Zulkifli Mohamed
Pengarah Projek RTS Link

Ir Zulkifli Mohamed bertanggungjawab ke atas pelaksanaan keseluruhan Projek RTS Link bagi memastikan pelaksanaan projek dan menguruskan pembinaan yang cekap untuk memenuhi objektif dan pencapaian utama projek tersebut. Beliau berperanan sebagai wakil majikan dalam pelaksanaan projek untuk menguruskan pihak berkepentingan projek secara dalaman dan luaran untuk memastikan hubungan kerja yang membina agar dapat memudahkan pelaksanaan projek dengan lancar.



Tuan Haji Mohd Yusof Kasiron
Pengarah Projek MRT3
(Laluan Lingkaran)

Sebagai Pengarah Projek MRT3 Laluan Lingkaran, Tuan Haji Mohd Yusof Kasiron memantau pelaksanaan keseluruhan Projek MRT3 Laluan Lingkaran dari tahap kebolehlaksanaan dan perancangan hingga pelaksanaan dan seterusnya fasa pro-operasi sambil memastikan projek itu dilaksanakan dan disiapkan dengan selamat, tepat pada waktunya menepati kos, memenuhi piawaian kualiti dan pada masa yang sama memainkan peranannya dalam perlindungan alam sekitar.



Encik Yuslizar Daud
Pengarah Operasi
dan Pengurusan Aset

Sebagai Pengarah Operasi dan Pengurusan Aset, beliau bertanggungjawab untuk merancang, memantau dan menyelenggara aset dan kemudahan MRT Corp bagi memastikan mereka berada dalam keadaan kerja yang optimum. Beliau juga mengawasi prestasi laluan-laluan MRT untuk memastikan operasi yang lancar dan berkualiti serta piawaian perkhidmatan yang efisien. Beliau bertanggungjawab untuk menerapkan strategi pengurusan aset dan kemudahan yang efektif dan efisien untuk memastikan penggunaannya yang optimum bersesuaian dengan objektif perniagaan syarikat.



Encik Shahrul Fadli Omar
Ketua Pegawai Kewangan

Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Encik Shahrul Fadli Omar bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan pengurusan kewangan dan pentadbiran korporat organisasi adalah berkesan dan efisien. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan teknologi informasi untuk mengawal operasi organisasi dan mengawasi pengurusan aset untuk memastikan penggunaan dan penyelenggaraan pada tahap optimum.



Dato' Amiruddin Ma'aris
Pengarah Projek Laluan
Putrajaya

Sebagai Pengarah Laluan Putrajaya, Dato' Amiruddin Ma'aris menyelia pelaksanaan keseluruhan Projek MRT Laluan PY untuk memastikan pengurusan pembinaan yang efektif yang memenuhi objektif utama dan pelaksanaannya. Beliau bertindak sebagai wakil majikan dalam pelaksanaan projek untuk menguruskan pihak berkepentingan projek yang berkaitan secara dalaman dan luaran bagi memastikan hubungan kerja yang berterusan untuk melancarkan pelaksanaan projek.



Mr David Loo Kean Beng
Pengarah Hal Ehwal
Perundangan

Encik David Loo Kean Beng bertanggungjawab untuk menguruskan semua urusan undang-undang dan kesetiausahaan syarikat. Ini termasuk urusan tanah seperti perjanjian bersama untuk kewujudan bersama dengan pemilik tanah dan memastikan syarat-syarat kontrak bagi perjanjian pembinaan dan penyelesaian pertikaian untuk projek dan operasi MRT Corp dikendalikan dan dilaksanakan dengan berkesan.



Encik Abdul Mutallif Abdul Manaf
Pengarah Sumber Manusia
Strategik

Encik Abdul Mutallif Abdul Manaf bertanggungjawab bagi memastikan keberkesanan strategi berasaskan orang digunakan untuk pengambilan bakat, pengekalan dan pembangunan pekerja yang berterusan sambil memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan harmoni dalam organisasi. Beliau juga bertanggungjawab untuk menguruskan perubahan dalam memastikan dasar dan amalan kekal berdaya saing secara luaran dan saksama secara dalaman dalam memacu kecemerlangan berterusan dalam organisasi.



Encik Azhar Sofah
Pemangku Ketua Piawaian dan
Pematuhan

Sebagai kustodian kualiti dan keselamatan, Azhar Sofah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah MRT Corp memenuhi piawaian yang diperlukan menurut amalan terbaik Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, undang-undang dan peraturan yang relevan. Beliau bertanggungjawab untuk memastikan sistem yang diperlukan dan prosedur operasi piawaian disediakan untuk kawalan dan jaminan kualiti projek. Beliau turut bertanggungjawab memacu dan menguruskan piawaian ISO, dan penyimpanan pengetahuan dan dokumen MRT Corp.

Integriti

MRT Corp amat mementingkan tadbir urus yang baik dan integriti dalam menjalankan operasi hariannya serta di landasan yang betul ke arah mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah syarikat yang bebas rasuah.

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (IGD) telah melaksanakan pelbagai inisiatif/program sepanjang tahun dalam semakan melalui kelulusan Pelan Integriti 2021. Fokus utama adalah untuk meningkatkan tadbir urus yang baik berdasarkan tonggak TRUST dan inisiatif dalam setiap tonggak adalah seperti:

Tonggak/Objektif	Inisiatif-inisiatif yang Dilaksanakan pada 2021
Itizam Aras Tertinggi Untuk meyakinkan Lembaga Pengarah bahawa operasi MRT Corp mematuhi polisi dalaman dan keperluan yang ditetapkan di dalam organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan dari Barisan Kepimpinan dan Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP). Pengesahan dari Lembaga dalam Pelan Integriti 2021. Pengiktirafan sumbangan dan penglibatan 'Duta Integriti' dalam mempromosikan budaya integriti oleh Pengurusan Tertinggi. Penglibatan Ketua Jabatan/Bahagian dalam sesi Semakan Pengurusan, terutamanya dalam menangani isu berkaitan dengan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS).
Penilaian Risiko Untuk mengadakan penilaian risiko rasuah secara berkala melalui pengenalpastian risiko, analisis, penilaian dan pengutamaan.	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Risiko Rasuah telah dimuktamadkan pada September 2021 dengan penyertaan yang baik daripada unit perniagaan masing-masing dan hasil semakan adalah memuaskan. Majoriti risiko rasuah diklasifikasikan sebagai risiko rendah dan kawalan dalaman yang dilaksanakan adalah efektif.
Mewujudkan Langkah Kawalan Mengadakan langkah-langkah kawalan yang munasabah dan sepatutnya dan juga langkah-langkah luar jangka dalam menghadapi sebarang risiko rasuah yang wujud disebabkan oleh kelemahan kerangka kerja, proses-proses dan prosedur-prosedur tadbir urus organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> Penilaian Risiko Rasuah - langkah kawalan sedia ada sudah memadai untuk mengurangkan risiko rasuah yang dikenali pasti terutamanya bagi mereka yang dikategorikan sebagai risiko sederhana hingga tinggi. Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) - unit perniagaan memasukkan langkah kawalan utama ke dalam SOP untuk mengurangkan risiko rasuah yang dikenal pasti. Borang Konflik Kepentingan yang baru diperkenalkan - penyerahan oleh semua pekerja berkenaan status semasa mereka (dikemaskini). Semua bahagian telah menyerahkan kepada IGD inisiatif anti-rasuah selaras dengan objektif strategik OACP.
Penilaian, Pemantauan dan Pelaksanaan Sistematis Untuk memastikan penilaian berterusan dijalankan untuk menilai prestasi dan keberkesanan program anti-rasuah.	<ul style="list-style-type: none"> Audit Dalaman ABMS telah dijalankan pada September 2021 dengan mematuhi keperluan ISO37001:2016 ABMS. Berjaya memperoleh pensijilan semula ISO37001:2016 ABMS. Penyiasatan dan pengesanan aduan yang berkesan serta pemeriksaan mengejut secara berkala, ujian penilaian integriti dan pemprofilan (untuk vendor dan kontraktor).
Latihan dan Komunikasi Untuk mewujudkan dan menyebarkan maklumat tentang pengurusan anti-rasuah melalui latihan, komunikasi dalaman dan luaran.	<ul style="list-style-type: none"> Pelancaran Ikran Integriti Korporat (CIP) oleh Kontraktor Pakej Kerja (WPC) dan vendor dengan kerjasama SPRM. Bengkel Audit Dalaman (ABMS) dan pengenalan OACP untuk semua 'Duta Integriti'. Keperluan mandatori untuk semua pekerja menghadiri sekurang-kurangnya satu Program Integriti sebagai sebahagian daripada Inovasi dan Pembelajaran. Perkongsian Ilmu/Ceramah Agama untuk semua pekerja dan topik berkaitan dengan rasuah atau integriti.

Pada September 2021, MRT Corp memperoleh pensijilan ISO37001:2016 ABMS dari SIRIM QAS Sdn Bhd dan mencapai dengan keputusan dari usaha MRT Corp yang berterusan dalam memupuk budaya anti-rasuah ke arah pencapaian menjadi sebuah organisasi bebas rasuah. Pensijilan ini diiktiraf di peringkat global dan menerima keperluan antarabangsa untuk memerangi rasuah, terutamanya dalam persekitaran perniagaan. IGD bertanggungjawab untuk penyediaan audit pensijilan semula dan menguruskan penyelarasan kerja antara kakitangan dalaman dan juruaudit daripada badan pensijilan. Secara keseluruhannya, enam bidang utama telah dikenalpasti dan diaudit, iaitu Tadbir Urus dan Integriti, Perundangan, Sumber Manusia dan Pentadbiran, Kewangan, Projek dan Kontrak, dan Perolehan.

Dalam tempoh laporan, pelaksanaan inisiatif OACP MRT Corp berjalan lancar seperti yang dirancang dan disumbangkan terutamanya oleh komitmen kuat daripada Ahli Lembaga Pengarah MRT Corp, Pasukan Kepimpinan dan semua kakitangan. Ringkasan OACP MRT Corp berserta status pelaksanaan inisiatif strategiknya adalah seperti berikut:

Visi	Ke arah organisasi bebas-rasuah
	Rasuah akan merosakkan kepercayaan yang diletakkan kepada sesebuah organisasi dan pembaziran cukai yang diperuntukkan untuk projek-projek penting yang memanfaatkan orang awam, Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan MRT Corp bertanggungjawab untuk menghalang rasuah atau mana-mana pembayaran yang tidak wajar dalam operasi kerjanya, yang mana mematuhi Suruhanjaya Anti-Rasuah (SPRM) Akta 2009 (Akta 694) dan Kanun Jenayah (Akta 574).
Misi	Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih
	MRT Corp beritizam untuk menyemai budaya keterbukaan dan integriti. Setiap warga kerja harus mempunyai pemikiran anti-rasuah dan mengamalkan standard yang betul di tempat kerja. Menjalankan kerja dengan penuh etika akan membawa organisasi ke arah persekitaran perniagaan yang bersih.
Objektif	Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang adil, telus dan berintegriti yang mana bebas dari sebarang rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
	Untuk mengukuhkan kepatuhan korporat dan etika kerja yang baik demi menjaga kepentingan pihak berkepentingan MRT Corp.
	Untuk menambah baik keberkesanan kawalan dalaman.
	Untuk menggalakkan budaya integriti di dalam organisasi.
Hal-hal yang Diutamakan	Tadbir Urus Politik - Mengukuhkan integriti dan kebertanggungjawaban politik. Perolehan - Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam aktiviti perolehan. Tadbir Urus Korporat - Menyemai tadbir urus yang baik dalam entiti korporat.
No. risiko rasuah yang dikenal pasti	56
No. inisiatif (Jumlah)	135
Jangka pendek	
-Dirancang	15
-Dilancar	13
Jangka panjang	
-Dirancang	120
-Dilancar	107

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (IGD) akan terus memperjuangkan penghayatan budaya integriti dalam organisasi, mengekalkan keperluan ISO37001:2016 ABMS dan melaksanakan kerangka kerja anti-rasuah serta memantau pelaksanaan inisiatif strategik OACP 2020-2024 dengan semua bahagian atau unit perniagaan.



Sistem Pengurusan Berintegrasi

Semasa menghadapi pandemik Covid-19, MRT Corp telah berjaya memperluaskan skop pensijilan seperti berikut :

Pembangunan Projek dan Pengurusan Aset infrastruktur Rel Transit Aliran termasuk:

Pengurusan Projek dan penyeliaan Laluan PY

Pengurusan Projek dan penyeliaan Rapid Transit System Link (RTS Link) Johor Bahru - Singapura

Pengurusan operasi, penyelenggaraan dan aktiviti komersial untuk aset dan kemudahan kereta api

Sebahagian daripada inisiatif mempunyai penambahbaikan secara berterusan yang merupakan salah satu elemen penting dalam sistem pengurusan yang diamalkan oleh MRT Corp. Perluasan ini telah merangkumi Projek RTS Link, pengurusan operasi aset, penyelenggaraan dan aktiviti komersial selain daripada Projek Laluan PY.

MRT Corp telah berjaya melepasi audit badan pensijilan pada September 2021. Ini merupakan tahun kedua audit pengawasan yang meliputi integrasi bersama-sama dengan perluasan skop,

ia dijayakan dengan kerja berpasukan yang baik dan kerjasama daripada semua bahagian dan jabatan dalam memastikan sistem ini tersedia dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Ini termasuk memastikan proses dan amalan semasa dicerminkan dalam prosedur, mengambil bahagian secara aktif dalam program sistem pengurusan berintegrasi, seperti latihan kesedaran dan pertandingan bagi mempertingkatkan pengetahuan berkenaan sistem pengurusan dan bersedia untuk audit dalaman berintegrasi dan audit badan pensijilan.





Pengurusan Risiko

Dalam tempoh laporan, penilaian risiko MRT Corp telah dijalankan melalui beberapa siri Woksyop Penilaian Risiko pada peringkat bahagian, Woksyop Penilaian Risiko Strategik pada peringkat pengurusan dan mesyuarat Jawatankuasa Risiko Projek pada peringkat projek untuk menilai semua risiko penting. Resolusi telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Jawatankuasa Audit dan Risiko (ARC) dan Lembaga Pengarah (BOD).

Woksyop Penilaian Risiko Operasi pada bahagian dan peringkat strategik telah diadakan untuk menangani semua risiko penting dalam MRT Corp. Sebanyak enam woksyop Penilaian Risiko Operasi telah dijalankan sepanjang tahun.

Beberapa siri dalam program dan woksyop kesedaran risiko telah diadakan sepanjang tahun untuk menerapkan budaya risiko dan mempertingkatkan pengetahuan berkaitan Pengurusan Risiko di kalangan warga kerja MRT Corp. Terdapat tiga sesi kesedaran risiko telah diadakan pada tahun 2021, yang merangkumi pekerja dari peringkat Eksekutif dan Pengurusan.

Buat pertama kalinya, Jabatan Pengurusan Risiko telah menganjurkan simulasi krisis di peringkat korporat pada Jun 2021, yang disertai oleh Jawatankuasa Kerja Krisis dan Barisan Kepimpinan. Selain daripada

itu, MRT Corp juga telah memulakan pembangunan dan pelaksanaan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) melalui pelbagai program seperti woksyop Kesedaran BCM, Risiko & Ancaman dan Analisis Impak Perniagaan dan juga Strategi Pemulihan.

Webinar Risiko yang ketiga untuk MRT Corp telah diadakan pada Disember 2021 yang bertema 'Living through Endemic Phase: How to be resilient?', untuk memupuk budaya dan kesedaran risiko di kalangan warga kerjanya.

Sebanyak 200 warga kerja MRT Corp, termasuk Koordinator Risiko dan Pemilik Bersama Risiko telah menghadiri di webinar. Terdapat Penceramah profesional yang berpengalaman dari tiga organisasi peneraju industri iaitu Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDEC), UMW Holdings dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dalam pengurusan risiko dan daya tahan.

Selain itu, e-surat berita risiko telah dikeluarkan melalui emel oleh Jabatan Pengurusan Risiko. Isu risiko semasa dan pengajaran yang dipelajari daripada industri rel atau pembinaan adalah antara perkara yang difokuskan dalam surat berita risiko. Kuiz yang menyeronokkan dan peraduan dalam talian juga diperkenalkan sebagai program inisiatif risiko pada tahun tersebut.

Bagi risiko projek, Jabatan Pengurusan Risiko telah bekerjasama dengan rakan Kontraktor dalam pelaksanaan proses pengurusan risiko projek yang selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Risiko ISO 31000:2018 dan Polisi Pengurusan Risiko dan kerangka kerja.

Di peringkat kerja, proses pengurusan risiko projek diintegrasikan pada setiap peringkat mendapatkan keputusan. Selain daripada bengkel risiko bulanan, perkara berkaitan risiko turut dibincangkan dalam taklimat kemajuan, teknikal, pernyataan kaedah dan juga mesyuarat penilaian risiko di mana amalan pengurusan risiko diterapkan dalam keseluruhan fasa pengurusan projek. Di peringkat tertinggi pula, pemilikan risiko dilakukan melalui pembentangan risiko oleh kepimpinan pengurusan projek pihak kontraktor kepada barisan kepimpinan MRT Corp.

Ini dilakukan melalui mesyuarat Jawatankuasa Risiko Projek (PRC) yang diadakan setiap suku tahun. Mesyuarat PRC telah diadakan untuk:

- Menilai pelaksanaan amalan Pengurusan Risiko Projek dalam projek MRT Corp.
- Mengadakan perbincangan risiko di antara pihak MRT Corp, Kontraktor dan Perundingan.

- Memastikan pendekatan Pengurusan Risiko Projek adalah proaktif dan berkesan.
- Mengkaji, menjangka dan mengurangkan risiko projek yang penting dan/atau berkaitan dengan isu yang mungkin memberi kesan kepada hasil projek.
- Mengesahkan risiko projek kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko.



Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang





MRT Laluan Putrajaya



MRT Laluan Putrajaya



Laluan PY adalah laluan kedua Projek KVMRT yang dibangunkan, selepas Laluan KG. Laluan ini bermula dari Sungai Buloh, menerusi pusat bandar Kuala Lumpur dan kawasan pinggir selatan, hingga ke Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan Malaysia.

Jajaran itu sepanjang 57.3km, terdiri daripada laluan bertingkat sepanjang 44km dan laluan bawah tanah sepanjang 13.3km. Laluan ini mempunyai 36 stesen dengan empat stesen tambahan yang dirancang untuk dibina pada masa hadapan. Laluan ini mempunyai 27 buah stesen bertingkat dan sembilan buah stesen bawah tanah. Laluan PY mempunyai lima stesen pertukaran dan stesen sambungan dengan perkhidmatan rel sedia ada di rangkaian rel bandar Lembah Klang, bagi memudahkan para penumpang untuk bertukar dari satu laluan ke laluan lain.

Kabinet telah meluluskan pelaksanaan Laluan PY pada 2014. Pemeriksaan awam di bawah Seksyen 8 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dijalankan dari Mei hingga Ogos 2015 bagi membolehkan orang awam memberikan maklum balas dan bantahan.

Kelulusan muktamad untuk Skim Keretapi Laluan PY telah diberikan oleh Kerajaan pada Oktober 2015, membolehkan proses pengambilan tanah dan perolehan untuk dijalankan. Majlis pecah tanah untuk Laluan PY telah diadakan di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral pada 15 September 2016, ianya menandakan permulaan bagi kerja-kerja pembinaan untuk laluan itu.


Pada pertengahan tahun 2018, Kerajaan telah menilai semula projek-projek infrastruktur utama di seluruh negara, termasuk Laluan

PY, bagi mengurangkan perbelanjaan dana awam. Rundingan ini bermula dengan pihak yang berkaitan dengan Laluan PY termasuk PDP dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, kontraktor kerja bawah tanah.

Pemuncak bagi menandatangani Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Rakan Kongsi Penyampaian Projek pada 17 Januari 2020, di mana struktur PDP telah ditukar kepada kontrak turnkey, dengan PDP mengambil peranan sebagai TC. Satu persetujuan turut dicapai untuk mengurangkan kos pembinaan sebanyak RM8.82 bilion daripada RM 30.53 bilion.

Operasi percubaan sebagai persediaan untuk perkhidmatan bagi Fasa Satu Laluan PY dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu bermula pada April 2021. Fasa Satu dijangka mula beroperasi pada pertengahan 2022, manakala baki laluan dari Stesen Kampung Batu ke Stesen MRT Putrajaya Sentral akan beroperasi pada Fasa Dua menjelang awal 2023.

Peta Laluan MRT Putrajaya



Pembinaan

Bahagian Projek Laluan PY di MRT Corp menguruskan pembinaan laluan itu iaitu jejambat bertingkat, depoh, terowong dan stesen serta sistem mekanikal dan elektrik yang diperlukan untuk sistem rel berfungsi sepenuhnya.

Berikutan perubahan struktur projek pada tahun 2020, Bahagian Projek Laluan PY menyelia secara langsung kerja-kerja pembinaan yang dijalankan terutamanya dalam bidang kemajuan, keselamatan dan kualiti.

Pada 31 Disember 2021, kemajuan keseluruhan Laluan PY adalah 96.54% berbanding program 95.21%, iaitu lebih daripada kemajuan yang telah dijadualkan.

Kerja-kerja Bertingkat

Kerja-kerja bertingkat merangkumi sepuluh pakej kerja jejambat bertingkat bagi landasan tunggal dan berkembar sepanjang 38.7km. Kerja-kerja bertingkat turut merangkumi pembinaan 24 buah stesen bertingkat dan sebuah depoh di Serdang. Peruntukan juga telah disediakan untuk dua stesen yang akan dibina pada masa hadapan.

Pembinaan kemudahan tempat letak kereta yang bersambung dengan stesen termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.


Selain daripada 10 pakej kerja bertingkat, 10 pakej kerja stesen,

kerja-kerja bertingkat juga termasuk dengan dua pakej kerja galang kekotak (SBG) bersegiempat, dan dua pakej kerja kemudahan tempat letak kereta (MSPP) di Stesen Metro Prima dan Stesen Taman Equine.

Semua aktiviti pembinaan Fasa Satu di antara Sungai Buloh dan Kampung Batu telah siap dan disasarkan untuk mula beroperasi pada pertengahan tahun 2022. Sembilan stesen telah memperolehi Pematuhan dan Perakuan Siap (CCC). Selain itu, penyelesaian senarai masalah-masalah kecil telah dijalankan di stesen-stesen.

Baki laluan di antara Kampung Batu dan Putrajaya Sentral akan dibuka untuk perkhidmatan hasil di bawah Fasa Dua pada Januari 2023. Semua terowong dan jejambat di bawah fasa ini telah siap dan diserahkan kepada Kontraktor Kerja Landasan. Kerja-kerja luaran hampir disiapkan. Pemasangan akhir, penyelesaian senarai masalah-masalah kecil dan persediaan untuk CCC telah dijalankan di stesen-stesen berikut.

Kerja-kerja fizikal untuk Depoh Serdang telah disiapkan dan CPC dikeluarkan dalam tempoh dalam semakan. Pada masa yang sama, seluruh kemudahan tempat letak kereta telah siap dan kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan. Bagi kemudahan tempat letak kereta di Taman Equine dan Putrajaya Sentral, seni bina dan elektrik dan kerja mekanikal sedang dijalankan.



Pada 31 Disember 2021, kemajuan keseluruhan kerja-kerja bertingkat adalah 99.45% siap, sementara kerja-kerja bawah tanah adalah 99.45% siap.

Pada 31 Disember 2021, kemajuan keseluruhan kerja-kerja bertingkat adalah 99.45% siap.

Bawah Tanah

Kerja-kerja bawah tanah bagi Laluan PY merangkumi pembinaan terowong berkembar sepanjang 13.5km, 11 buah stesen bawah tanah termasuk dua stesen tambahan dan struktur yang berkaitan.

Dalam tempoh laporan, kerja-kerja struktur kesemua stesen dan bangunan sampingan telah disiapkan.

Semua stesen dan bangunan sampingan, Kerja dan Kemas Pembina Seni Bina (BWF) dan Kerja-kerja Elektrikal dan Mekanikal (E&M), Bangunan Perkhidmatan dan Kerja-Kerja Sistem adalah pada 80% siap. Kerja-kerja seni bina seperti pemasangan jubin lantai, pelapisan dinding dan pemasangan siling sedang menjalankan dan sejajar dengan program yang mana akan dijadualkan siap pada suku kedua 2022.

Di dalam terowong, kerja-kerja landasan telah siap dan kerja-kerja pemasangan berkaitan dengan landasan seperti pengkabelan dan kerja-kerja semboyan hampir siap.

Pada 31 Disember 2021, kerja-kerja bawah tanah adalah pada 94.96% siap.





Kerja-kerja Sistem Elektrikal dan Mekanikal

Dalam tempoh laporan, kemajuan keseluruhan kerja-kerja sistem Elektrikal dan Mekanikal adalah pada 95.47% siap. Kemajuan Fasa Satu dan Fasa Dua adalah pada 99.47% dan 88.95% siap.

SY201 - Semboyan dan Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform/ Pintu Platform Automatik

Dalam tempoh laporan, kemajuan keseluruhan dari SY201 adalah 93.09%, dengan kerja-kerja pemasangan Isyarat dan Kawalan Tren bagi Fasa Satu dan Pintu Platform Automatik (APG) dari Stesen MRT Damansara Damai ke Stesen MRT Kampung Batu dan Depoh Sungai Buloh telah siap. Ujian Sistem Penerimaan dan Ujian Penerimaan Separat bagi Semboyan, Kawalan Tren dan APG bagi Fasa Satu telah siap.

Kerja-kerja pemasangan Kawalan Semboyan dan Tren bagi Fasa Dua telah siap kecuali bilik peralatan dan laluan tepi di Stesen MRT Jalan Ipoh. APG untuk stesen bertingkat dan Pintu Skrin Platform (PSD) untuk stesen bawah tanah telah siap.

SY202 - Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu (ICSS) dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer (CMMS)

Pada 31 Disember 2021, SY202 untuk Fasa Satu telah selesai manakala progres bagi Fasa Dua adalah pada 92.82% siap. Aktiviti-aktiviti utama yang masih dijalankan untuk Fasa Dua ialah aktiviti pengujian dan pentauliahan seperti Pemeriksaan Pos-Pemasangan, Ujian Penerimaan Separat, Ujian Antara Muka dan Ujian Sistem Penerimaan yang akan diselesaikan sebelum Operasi Percubaan untuk Fasa Dua.

SY203 - Tren Elektrik dan Peralatan Depoh

Dalam tempoh laporan, kemajuan bagi kerja-kerja Tren Elektrik dan Peralatan Depoh adalah pada 97.17%. Bagi Fasa Satu, semua 20 tren telah menamatkan Perjalanan Bebas-Masalah dan operasi percubaan pada 29 April 2021. Selepas beberapa siri pemeriksaan dalaman sebelum diserahkan kepada pengendali operasi, pemeriksaan peringkat akhir oleh APAD telah selesai pada 14 Ogos 2021.

Bagi Fasa Dua, penghantaran set tren elektrik yang terakhir telah berjaya dilakukan pada 20 November di Depoh Serdang. Pada 31 Disember 2021, semua tren telah selesai menjalani Ujian Daya Cengkaman dan Brek, sebelum melalui Ujian Integrasi Sistem pada awal 2022.

Semua Peralatan Depoh telah selesai Ujian Sistem Penerimaan kecuali Pengrelan-semula dan Gerabak Bogi yang disasarkan akan dijalankan pada Suku Pertama 2022. Pada 31 Disember 2021, Peralatan Depoh bagi Fasa Satu seperti Tapak Cucian Tren Sungai Buloh telah menjalani Demonstrasi Prestasi dan pemeriksaan terperinci. Peralatan Depoh bagi Fasa Dua seperti Pengukur Profil Roda, Pelarik Roda Bawah Lantai dan Tapak Cucian Tren Serdang sedang dijalankan.

SY204 - Kerja-Kerja Landasan dan Penyelenggaraan Kenderaan

Dalam tempoh laporan, kemajuan keseluruhan bagi Kerja-Kerja Landasan dan Penyelenggaraan Kenderaan adalah pada 96.81%. Pemeriksaan pra-penyerahan Fasa Satu, pemeriksaan inventori (kedua-duanya dengan Rapid Rail) dan pemeriksaan terperinci oleh APAD telah selesai. Pemasangan trek di bahagian bertingkat untuk Fasa Dua telah siap manakala untuk bahagian bawah tanah, kemajuan kerja adalah pada 99%.

Bagi Penyelenggaraan Kenderaan, pemeriksaan pra-penyerahan dan pemeriksaan inventori (kedua-duanya dengan Rapid Rail) telah disiapkan untuk Mesin Tampalan Kecil, Unit Basuhan Landasan, Kenderaan Serbaguna dan Kit Pengukur Rel Ketiga, Trolis Trek Bermotor telah sedia untuk dipasang di stesen bawah tanah. Kenderaan Pengisar Rel telah melengkapkan pengesahan sedia-terpasang.

SY205 - Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa

Dalam tempoh laporan, kemajuan keseluruhan untuk SY205 adalah pada 95.69%. Semua substesen untuk operasi Fasa Satu dan Fasa Dua terdiri daripada tiga Substesen Kuasa Daya Tarik, 28 Substesen Bekalan Kuasa Tarikan dan 21 Bangunan Utiliti telah 100% siap. Ujian Integrasi Tapak untuk Fasa Dua sedang dijalankan.

Substesen yang dikuasakan telah sepenuhnya mematuhi keperluan berkanun dan telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Bagi Fasa Dua, Pengujian dan Pentauliahan Ujian Penerimaan Separat dengan subsistem lain telah dimulakan dan penjana kuasa luaran untuk substesen berikut telah selesai. Pada 31 Disember 2021, semua substesen telah berjaya dikuasakan.

SY206 - Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Teknologi Maklumat

Pada 31 Disember 2021, secara keseluruhannya untuk SY206 adalah pada 90.56%.

Kerja-kerja pemasangan Fasa Satu dari Stesen MRT Damansara Damai ke Stesen MRT Kampung Batu termasuk stesen migrasi Kwasa Damansara, Kampung Selamat dan Sungai Buloh serta Depoh Sungai Buloh telah siap. Semua ujian untuk subsistem Telekom bagi Fasa Satu telah selesai.

Pemasangan subsistem telekomunikasi bagi bahagian bertingkat Fasa Dua telah selesai. Pemasangan bahagian bawah tanah berjalan dengan baik pada 91.0% siap. Pemeriksaan Pos-Pemasangan, Ujian Penerimaan Separat, Ujian Antara Muka dan Ujian Penerimaan Sistem bagi Subsistem Telekom Fasa Dua berjalan dengan baik. Pemasangan dan ujian trainborne telekomunikasi untuk kesemua 49 tren elektrik telah selesai.

SY207 - Sistem Kutipan Tambang Automatik

Pada 31 Disember 2021, keseluruhan kemajuan bagi SY207 adalah pada 90.80% siap.

Semua stesen Fasa Satu termasuk depoh telah menjalani aktiviti ujian dan pentauliahan mereka seperti Ujian Penerimaan Kilang, Ujian Penerimaan Separat, Ujian Penerimaan Sistem, Ujian Integrasi Sistem dan semua Senarai Item Tertunggak daripada aktiviti ujian dan pentauliahan telah diselesaikan oleh Kontraktor Pakej Kerja.

Aktiviti penyerahan peralatan stesen bagi stesen-stesen Fasa Satu termasuk depoh telah selesai. Sistem AFC telah menjalani dan lulus pemeriksaan terperinci oleh APAD. Isu-isu yang berbangkit telah dikenalpasti dan diperbetulkan sewajarnya.

Kerja-kerja pemasangan di stesen dan depoh bagi Fasa Dua sedang dijalankan untuk stesen bertingkat. Bagi stesen bawah tanah, aktiviti Pengujian dan Pentauliahan sedang dijalankan.



Bas Perantara

Anak syarikat Prasarana; Rapid Bus Sdn Bhd telah dilantik secara rasmi sebagai pengendali operasi perkhidmatan bas perantara bagi Laluan PY. Sejumlah 140 unit bas akan menyediakan perkhidmatan di 51 laluan yang dirancang dari seluruh stesen Laluan PY.

Bagi laluan Fasa Satu, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk pengoptimuman kos, 50 unit bas perantara yang diperoleh di

bawah projek Laluan KG yang berpangkalan di Depoh Sungai Buloh akan digunakan. Bas perantara tersebut akan beroperasi dari Depoh Bas Perantara Sungai Buloh apabila operasi Fasa Satu bermula pada pertengahan tahun 2022. Selepas itu, bas-bas tersebut akan dipindahkan ke Depoh Bas Perantara Jinjang apabila pembinaannya selesai.

Bagi Fasa Dua, MRT Corp kini dalam peringkat perbincangan lanjut untuk mendapatkan perjanjian pajakan tiga tahun dengan Prasarana untuk membekalkan 90 unit bas 10-meter. Pajakan adalah di antara lima hingga lapan tahun. Rapid Bus dijangka menjalankan kerja-kerja baik pulih seperti memasang jalur korporat MRT, Sistem Tiket Bas Tanpa Tunai dan Sistem Penjejakan Bas dan lain-lain sebelum pengoperasian Fasa Dua.

Perolehan

Dalam tempoh laporan, tender untuk beberapa pakej kerja telah dikeluarkan seperti Bas Perantara, Sistem Bas Berintegrasi dan Menaik Taraf Sistem AFC Laluan Transit Lain. Hanya dua pakej kerja telah dianugerahkan, seperti yang diringkaskan dalam **Jadual 1** di bawah.

Jadual 1: Status Perolehan

No	Kategori Pakej Kerja	Pakej Kerja yang dianugerahkan di antara 1 Januari 2021 dan 31 Disember 2021	Pakej Kerja yang dianugerahkan
1.	Penyelesaian Sistem Bersepadu Bas (BIS) Fasa 1	1	1
2.	Kerja-kerja Naik Taraf untuk Sistem AFC Laluan Transit Lain	1	1
JUMLAH		2	2

Pakej Kerja yang dianugerahkan diringkaskan dalam **Jadual 2** di bawah.

Jadual 2: Kontrak Dianugerahkan bagi Laluan PY pada Tahun Kewangan 2021

No	Kod	Pakej Pekerja	Jumlah yang Dianugerahkan (RM)	Isu Surat Penerimaan (LOA)
1.	Fasa 1 BIS	Cadangan Lanjutan Penyelesaian Sistem Bas Berintegrasi Laluan Kajang (BIS) bagi MRT Bas Perantara Fasa Satu untuk Projek Transit Aliran Massa Laluan 2: Laluan Putrajaya	6,100,000.00	24 Feb 21
2.	AFC	Cadangan Kerja-kerja Naik Taraf bagi Sistem AFC Laluan Transit Lain	4,423,000.00	12 Jul 21
JUMLAH			10,523,000.00	

Program Kerjasama Industri

Program Kerjasama Industri (ICP) merupakan satu instrumen yang telah diwujudkan oleh Kerajaan untuk menyokong pembangunan ekonomi nasional melalui perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja kerajaan. Objektif ICP adalah untuk mengoptimumkan nilai perolehan nasional dan memaksimumkan pulangan pelaburan negara.

Menurut Polisi dan Garis Panduan untuk Program Kerjasama Industri dalam perolehan kerajaan, setiap perolehan kerajaan dari pembekal pekerja asing bernilai lebih daripada RM50 juta akan mencetuskan keperluan Offset sementara setiap perolehan kerajaan yang bernilai lebih daripada RM100 juta yang melibatkan kontraktor tempatan akan mengeluarkan keperluan untuk Program Pemeraksanaan Ekonomi (EEP).

Inisiatif ICP boleh dilakukan di bawah kategori berikut - Pelaburan Langsung Asing, lokalisasi atau subkontrak, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan akses pasaran.

Sehingga kini, program ICP Laluan PY telah berjaya membawa masuk, antara yang lain, penyetempatan atau subkontrak bernilai RM2.86 bilion, RM100 juta untuk kerja akses pasaran dan jumlah pelaburan berjumlah RM149.34 juta.

Antara inisiatif penting yang dijalankan di bawah program ICP Laluan PY dalam tempoh laporan adalah:

Menubuhkan Pusat Simulasi dan Makmal di Universiti Tunku Abdul Rahman

Kerjasama di antara CRSE dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) ini adalah untuk menyediakan bekalan kuasa, sistem

pemodelan, simulasi dan makmal kajian di makmal kejuruteraan elektrik UTAR yang merangkumi 30 buah komputer dan 30 set lesen perisian, pencetak dan pelayan ETAPS dan ETRAX yang boleh digunakan sepenuhnya oleh pelajar dan pensyarah.

Pembangunan Pusat Pembelajaran Kondusif dan Moden - TRC EDU CENTRE

Pusat TRC EDU merupakan salah satu program di bawah kerjasama di antara TRC EDU dan Politeknik Ungku Omar (PUO). Aktiviti utama adalah menaik taraf ruang yang disediakan oleh PUO sebagai Pusat Sumber Teknikal yang lebih moden dan interaktif.

Pembangunan Sistem Transit Inklusif bersama Universiti Putra Malaysia

Objektif utama bagi program ini adalah untuk mencadangkan model konsep Stesen Transit Inklusif (ITS) oleh Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina. Fasa pertama akan adalah proses pembangunan teori untuk mewujudkan anjakan baru pemikiran reka bentuk untuk stesen transit. Fasa ini perlu dicapai oleh pasukan penyelidikan untuk kerja asas sebelum memulakan fasa kedua yang melibatkan aktiviti pembelajaran bersama para pelajar. Fasa terakhir ialah menyiapkan ITS di UPM.

Pencapaian program kolaborasi industri MRT Laluan Putrajaya



Penyertaan Bumiputera


Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp untuk Laluan PY adalah kesinambungan daripada Laluan KG. MRT Corp telah menetapkan sasaran 45% daripada jumlah nilai kontrak untuk dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera.

Sehingga kini, sejumlah RM14 bilion pakej kerja daripada sejumlah RM30.6 bilion (46% daripada jumlah yang diberikan) telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Selain itu, inisiatif termasuk kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G6 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pembinaan Laluan PY menyaksikan peningkatan peruntukan subkontrak kepada syarikat tersebut. Pecahan kategori ditunjukkan dalam Jadual 1.

Pada penghujung 2019, melalui inisiatif pemotongan kos daripada Kerajaan, subkontrak untuk syarikat-syarikat Bumiputera Gred 1 hingga Gred 4 dikurangkan kepada RM200 juta manakala Gred G5 hingga G6 dan kerja-kerja bawah tanah telah dikurangkan kepada RM200 juta.

Dalam tempoh laporan, sejumlah 248 subkontrak bagi pakej kerja-kerja bertingkat dan bawah tanah bernilai RM154.6 juta telah dianugerahkan. Kesemua subkontrak dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G4 melalui sesi undian. Tambahan pula, 18 subkontrak bernilai RM71 juta dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera Gred G5 dan 13 subkontrak bernilai RM117.1 juta dianugerahkan syarikat-syarikat Bumiputera Gred G6.

Jadual 1: Kategori Pakej Kerja



Kerja-kerja Awalan	Kerja-kerja Bawah Tanah	Kerja-kerja Bertingkat	Stesen	Pembekal Khusus	Kontraktor Khusus	Depoh	Kerja-kerja Sistem	Tempat Letak Kereta	Jumlah
RM164j	RM7,735j	RM3,482j	RM1,290j	RM211j	RM136j	RM452j	RM1,822j	Dianugerahkan oleh TC	RM14,104j

Jadual 2: Pakej Kerja yang Dianugerahkan kepada G1 hingga G6

Purata Sub-Kontrak G1 - G6 yang Dianugerahkan



Program Usahawan Muda MRT

Usahawan Muda MRT (MYEP II) yang kedua telah disediakan untuk Laluan PY. Program itu dijalankan dengan kerjasama strategik dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Program latihan yang lebih teratur dan mantap selama 12 bulan telah dirangka untuk MYEP II, yang meliputi insentif pembinaan profesional selama enam bulan oleh CIDB, latihan pengurusan selama tiga bulan, latihan motivasi dan keusahawanan selama tiga bulan oleh PUNB, dan latihan tapak selama tiga bulan di bawah seliaan MRT Corp dan TC.

Seramai 60 calon telah dipilih untuk menyertai MYEP II, di mana 50 subkontrak telah diperuntukkan.

Pada akhir program, seramai 52 orang calon telah melengkapkan program latihan dan telah menubuhkan 24 syarikat dengan lesen G2 CIDB.

Sehingga kini, syarikat-syarikat ini telah dianugerahkan dengan subkontrak bernilai RM7.7 juta. Dalam tempoh laporan, 9 daripada 24 kerja subkontrak telah berjaya disiapkan. Semasa bekerja untuk projek, syarikat-syarikat ini mendapat bimbingan dan sokongan dari MRT Corp dan TC, dan prestasi mereka dipantau.

Tanah

Proses pengambilan tanah untuk Laluan PY dimulakan dengan pewartaan untuk jajaran di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada Jun 2015, diikuti oleh Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada September 2015. Keseluruhan proses telah selesai pada 2019. Pampasan untuk pengambilan tanah berjumlah RM6.15 bilion.

Dalam tempoh laporan, kemajuan untuk aktiviti pasca pengambilalihan seperti pengeluaran hak milik berterusan, ukur terowong dan simpanan tanah adalah pada 55%.

Ringkasan Pengambilan Tanah Laluan MRT Putrajaya

Butir	Kuala Lumpur	Selangor	Jumlah
Jumlah Lot yang Diambil Alih	543	108	651
Jumlah Keseluruhan Pampasan (RM)	RM4,219,044,338.94	RM1,079,745,429.36	RM5,298,789,763.30
Bantahan Mahkamah (Borang N)	73	57	130
Kes Selesai	RM146,360,874.45	RM31,329,240.79	RM177,690,115.24
Jumlah Keseluruhan Bayaran			



Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



Inisiatif Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar oleh MRT Corp telah dijalankan tanpa henti semasa pandemik global Covid-19. Kuarters Pekerja, Kesihatan, Alam Sekitar dan Keselamatan (CHES) mempertingkatkan amalan keselamatan, kesedaran dan pengetahuan sebagai sebahagian daripada budaya keselamatan, kesihatan dan alam sekitar (SHE).

MRT Corp sentiasa menyambut Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Sedunia dan tema tahun ini adalah 'Keselamatan dan Kesihatan dalam Pandemik Covid-19'. Tema tersebut dipilih untuk meningkatkan keselamatan dan kesedaran Covid-19 di tempat kerja. Persidangan OSH MRT Lembah Klang (KVMRT) tahunan telah digantikan dengan Webinar OSH MRT yang telah diadakan pada 24 April 2021. Webinar ini membincangkan tentang bagaimana pandemik Covid-19 telah mentransformasikan keselamatan dan kesihatan pekerja serta peluang dan cabaran akibat dari pandemik Covid-19.

MRT Corp turut menyambut Hari Alam Sekitar Kebangsaan dan menunjukkan iltizam yang konsisten dalam menyokong usaha kerajaan membangunkan perubahan transformatif kepada dasar dan pilihan untuk kehidupan yang lebih bersih, hijau dan mampan dengan alam semula jadi. Webinar Pengurusan Alam Sekitar 2021, dengan tema 'Elektrik Boleh Diperbaharui dan Teknologi Hijau', telah dianjurkan pada 3 November 2021 bagi menggantikan persidangan fizikal tahunan, dan menumpukan kepada penghijauan sektor pembinaan Malaysia dan menguruskan sisa buangan dengan cara menukarkan sisa buangan kepada tenaga. Sebelum webinar diadakan, dua program lain telah dijalankan iaitu Pertandingan Pembentangan Kertas Alam Sekitar dan Kuiz Alam Sekitar.

Tiga sesi latihan secara maya telah diadakan untuk Pasukan Respon Kecemasan MRT Corp untuk mengekalkan dan meningkatkan kemahiran mereka. Latihan ini merangkumi Latihan Pertolongan Cemas, Taklimat Keselamatan tentang Pencegahan dan Kawalan Covid-19 oleh Jabatan Bomba, dan Pelan Tindak Balas Kecemasan dan Latihan Kesediaan. CHES turut mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Berkesan serta Latihan Maya Kesedaran Pengurusan Alam Sekitar kepada semua ahli Jawatankuasa MRT SHE dan Duta Hijau untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan peranan dan kewajipan serta kesedaran tentang keperluan perundangan yang berkaitan.



Dalam tempoh laporan, CHES melancarkan satu program baharu iaitu 'Minggu Kitar Semula MRT' bersempena dengan Program Kesedaran Pengurusan Sisa Pepejal. Pelbagai Program Pengumpulan Kitar Semula telah dianjurkan dengan kerjasama Alam Flora Sdn Bhd. MRT Corp telah mengitar semula 4.638 tan sisa buangan kitar semula dari pejabat-pejabat MRT Corp sepanjang tahun 2021. CHES turut menjalankan webinar dan Kuiz Kesedaran Pengurusan Sisa.

CHES juga terlibat dalam mewujudkan Piawaian Perindustrian Pembinaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIS 28:2021) yang meliputi Keselamatan Awam dan Pengguna Jalan Raya - Kerja Pembinaan Bersebelahan Dengan dan Melewati Jalan Raya. MRT Corp adalah antara ahli Jawatankuasa Teknikal yang mewakili pihak berkepentingan industri pembinaan.

Pada 18 November 2021, CHES telah dijemput oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH) untuk menyertai Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pengurusan Industri Pembinaan (OSHCIM). Bengkel ini menghimpunkan DOSH dan pemain industri utama dalam mengembangkan lagi keperluan untuk OSHCIM dan mengumpul cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan.

Kuarters Pekerja



Penghuni di Kuarters Pekerja (CLQ) bagi Projek Laluan PY berjumlah 1,962 pada akhir tempoh laporan, yang mana CLQ Cochrane bagi kerja-kerja bawah tanah mempunyai penghuni tertinggi pada 68%. Status penghuni bagi setiap CLQ ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Sepanjang tempoh laporan, empat CLQ bagi V201, V203, V204 dan V208 telah ditutup selaras dengan selesainya pakej kerja tersebut.

Sebagai langkah untuk membendung penularan Covid-19, projek telah memutuskan untuk menempatkan para penghuni CLQ dan juga para pekerja bukan CLQ dalam kumpulan yang lebih kecil. Langkah ini bagi mengelakkan kesesakan dan berjaya membendung penularan virus di kalangan para pekerja. Para pekerja juga menjalani ujian saringan secara berterusan dan mereka yang dijangkiti Covid-19 akan dikuarantin dengan segera.


Dalam tempoh laporan, walaupun aktiviti-aktiviti dihadkan oleh kerana pandemik, MRT Corp berjaya mengadakan webinar CLQ dan

Keselamatan pada 3 Ogos 2021. Para peserta mempelajari tentang Akta 446 yang telah dipinda dan cara mengurangkan risiko penyakit berjangkit di kalangan pekerja yang tinggal di CLQ, serta risiko keganasan pada projek.

Pada 21 Oktober 2021, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya TPr Hajah Noraini Haji Roslan telah melawat CLQ Serdang untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pengurusan dan pelaksanaan penempatan sementara bagi pekerja asing.

Pada 22 Oktober 2021, MRT Corp menjadi tuan rumah kepada Jawatankuasa Kerja Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Perindustrian Malaysia (MISHA) dalam lawatan kerja ke CLQ. MISHA telah dijemput oleh Gadang Engineering, Kontraktor Pakej Kerja untuk V206, di atas kejayaan mereka memenangi Anugerah CLQ Terbaik Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Perindustrian Malaysia. Presiden MISHA, En Aziz Basiran menyampaikan anugerah kepada Gadang Engineering V206.

Jadual 1: Status Penghunan CLQ



CLQ	Penghuni	Kapasiti	% daripada penghuni vs kapasiti
V201	0	600	0%
V202	126	600	21%
V203	0	600	0%
V204	0	600	0%
V205	100	600	17%
V206	127	600	21%
V207	69	600	12%
V208	0	600	0%
V209	89	600	15%
V210	59	600	10%
CLAB	349	600	58%
RRI	29	370	8%
UG New	347	960	36%
UG Cochrane	667	980	68%

Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Dalam tempoh laporan, beberapa acara telah dianjurkan untuk menandakan peristiwa penting dalam pembinaan Laluan PY.

Pada 17 Mac 2021, majlis pelancaran Gerabak Tren Terakhir MRT Laluan PY telah diadakan secara maya dari kilang Rotem di Changwon, Korea Selatan. Melalui pautan video, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim dan Pengarah Projek Laluan PY Dato' Amiruddin Ma'aris yang berada di ibu pejabat MRT Corp di Kuala Lumpur, mengibarkan bendera Malaysia sebaik sahaja tren tersebut meninggalkan kilang di Changwon untuk dihantar ke Malaysia sebelum proses pemasangan di kilang pemasangan tren di Rasa, Selangor.

Pada 20 November 2021, MRT Corp telah menerima penghantaran satu set tren terakhir yang dipasang sepenuhnya di Depoh MRT Serdang. Satu majlis telah diadakan bagi meraikan kejayaan ini dalam menyempurnakan inisiatif Program Kerjasama Industri di bawah pakej kerja Tren Elektrik dan Peralatan Depoh.

Pada 3 April 2021, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dan Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Abd Rahim Bakri telah memeriksa kesediaan bahagian Laluan PY Fasa Satu untuk beroperasi. Lawatan itu bermula dengan Stesen MRT Sri Damansara Sentral di mana taklimat tentang Fasa Satu dan juga susun atur dan lokasi stesen tersebut telah diadakan. Rombongan kemudiannya menaiki tren dan turun di Stesen MRT Kampung Batu.

Satu lagi pencapaian berjaya dicapai pada 3 Mei 2021 apabila reka bentuk untuk bangku stesen bawah tanah PY telah dipilih. Reka bentuk yang telah dipilih merupakan pemenang bagi pertandingan reka bentuk TRANSEAT. 'Infinity', nama reka bentuk yang diberi oleh pasukan suami-isteri Jaihar Jailani Ismail dan Noor Syahidah Abdullah dari Johor Bahru. Pertandingan yang diadakan pada tahun sebelumnya itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia dan disokong oleh Persatuan Pereka Perindustrian Malaysia dan lebih daripada 500 reka bentuk telah diserahkan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong, timbalan beliau Dato Henry Sum Agong dan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim telah melawat kotak persilangan HKL dan tapak Stesen MRT HKL pada 4 Oktober 2021 untuk memeriksa kerja-kerja bawah tanah Laluan PY. Turut hadir adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Hj Mahadi Che Ngah. Semasa pemeriksaan, para menteri telah memeriksa persilangan, landasan, sistem pertukaran laluan, stesen bawah tanah dan struktur serta kemudahan lain dengan berjalan kaki di sepanjang terowong MRT di bawah Jalan Tun Razak di antara kotak persilangan dan stesen. Pada bulan berikutnya, Ketua Pengarah APAD Datuk Azlan Shah Al Bakri memeriksa kesediaan operasi stesen dan tren Laluan PY Fasa Satu. Beliau telah membuat lawatan-lawatan kerja di beberapa lokasi pada 1 November 2021.

Dalam menyokong Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, MRT Corp telah bekerjasama dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya



(PPUM) dalam Program Vaksinasi. Beberapa bas perantara telah digunakan sebagai unit vaksinasi bergerak di Desa Temuan di Damansara Perdana, Petaling Jaya dan juga Skim Perumahan Awam Desa Rejang di Setapak, Kuala Lumpur pada 11 Ogos 2021 dan 28 Ogos 2021. Bas perantara turut digunakan untuk membawa ahli-ahli RC Deaf Missions Malaysia dan para penduduk Skim Perumahan Awam Lembah Subang ke PPUM untuk vaksinasi pada 23 Julai 2021 dan 30 Julai 2021.

Bagi menyemai semangat patriotisme di kalangan warga kerjanya, MRT Corp telah menyertai kempen Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) dan menganjurkan sambutan secara maya bertemakan Penghayatan Kemerdekaan yang dianjurkan pada 30 Ogos 2021. Satu sesi perkongsian yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hisham telah diadakan yang mana warga kerja berkongsi tentang erti kemerdekaan Malaysia kepada mereka. Ini diikuti dengan pengumuman para pemenang bagi beberapa pertandingan yang bertemakan Merdeka. Sambutan itu diakhiri dengan nyanyian lagu 'Tanggal 31'.

Sebagai sebahagian daripada sambutan HKHM, Jalur Gemilang turut dikibarkan di semua stesen dan tapak kerja di Laluan PY.

Tahun 2021 berakhir dengan kesedihan apabila beberapa warga kerja MRT Corp turut menjadi mangsa banjir yang melanda Lembah Klang pada bulan Disember. Tabung Bencana Banjir MRT Corp telah diwujudkan bagi membolehkan warga kerja menyumbang dan membantu rakan kerja yang terjejas akibat banjir. Sukarelawan turut digerakkan untuk membantu membersihkan rumah-rumah yang terjejas.

Pusat Informasi MRT

Pusat Informasi MRT (MIC) telah ditubuhkan sebagai titik utama untuk Laluan PY. Pusat yang terletak di tapak Stesen MRT Bandaraya Malaysia Utara itu dilengkapi dengan aplikasi interaktif 'Hawkeye' yang memaparkan pandangan 360 darjah keseluruhan Laluan PY, kaunter maklum balas, papan informasi, risalah dan model mesin pengorek terowong.

Berikutan dengan pandemik Covid-19, MIC terpaksa ditutup untuk sebarang lawatan secara fizikal. MIC telah digantikan dengan sesi lawatan secara maya termasuk lawatan maya Stesen MRT Cochrane bermula pada 19 Februari 2021. iaitu menggantikan dengan sesi secara maya. Para pelawat dapat menyaksikan pandangan 360 darjah daripada pelbagai lokasi dalam kotak stesen, sepenuh masa 'dipandu' oleh para jurutera yang terlibat dengan pembinaan stesen.

Pada 2 September 2021, 10 ahli daripada Komuniti Penggemar Tren dan Rel Malaysia (MTREC) telah menyertai lawatan secara maya MIC untuk memahami kaedah pembinaan MRT dan mengetahui dengan lebih lanjut tentang ujian dan operasi tren.

Perhubungan Pihak Berkepentingan

Pada tahun 2021, sejumlah 23 pertemuan dengan pihak berkepentingan telah dijalankan, di bawah projek Laluan PY. Pertemuan dengan pihak berkepentingan ini diadakan untuk memberikan perkembangan terkini berkenaan aktiviti pembinaan memandangkan Laluan PY hampir selesai, dan menangani kebimbangan mereka tentang pembinaan.



MRT Laluan Kajang






MRT Laluan Kajang

Laluan KG sepanjang 46km adalah laluan pertama Projek KVMRT yang dilaksanakan. Laluan ini bermula dari Sungai Buloh, yang terletak di arah barat laut Kuala Lumpur, dan melalui bahagian tengah ibu negara sebelum berakhir di Kajang, sebuah bandar yang giat berkembang yang terletak di sebelah tenggara bandaraya Kuala Lumpur. Laluan itu menyediakan perkhidmatan tren di koridor yang dianggarkan mempunyai 1.2 juta jumlah penduduk.

Laluan KG mempunyai landasan bawah tanah sepanjang 9.5km di bawah pusat bandar Kuala Lumpur manakala selebihnya merupakan landasan bertingkat. Terdapat 29 stesen yang mana tujuh daripadanya adalah bawah tanah.

Seluruh laluan itu dibuka pada 17 Julai 2017 dan mempunyai 58 set tren empat gerabak. Setiap set tren mempunyai kapasiti 1,200 para penumpang. Selepas pembukaannya, Laluan KG telah diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana Berhad, sebagai pengendali operasi yang dilantik bagi laluan itu.

Peta Laluan MRT Kajang



Pengurusan Aset dan Operasi

Sebaik sahaja Laluan KG diserahkan kepada pengendali operasi seiring dengan bermulanya perkhidmatan tren, MRT Corp telah mengambil peranan sebagai pemilik aset infrastruktur tren dan bas perantara laluan tersebut.

Menurut pada jadual operasi dan penyelenggaraan tahunan serta Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan di antara MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd serta Rapid Bus Sdn Bhd, Bahagian Pengurusan Aset dan Operasi MRT Corp mula menjalankan audit dan pemeriksaan ke atas pengendali operasi Laluan KG dan bas perantara. Pengauditan dan pemeriksaan ini adalah penting dalam memastikan prestasi penuh aset laluan.

Dalam tempoh laporan, aktiviti utama yang dilakukan adalah audit prestasi aset ke atas pengendali operasi perkhidmatan rel dan bas perantara serta pengendali tempat letak kereta bertingkat dan terbuka.

Hasil penemuan audit telah ditangani bersama dengan pengendali operasi untuk penambahbaikan. Selain daripada audit tahunan, pemeriksaan mingguan untuk memantau keadaan aset turut dijalankan untuk mengesahkan dan memastikan kefungsi dan kesediaan pada setiap masa.

Bahagian Pengurusan Aset dan Operasi juga telah melaksanakan projek menaik taraf dan meningkatkan keselamatan aset MRT untuk mencegah isu kecurian dan pencerobohan di sepanjang Laluan KG. Selain daripada itu, Seksyen Kawalan Pembangunan Bangunan juga telah memantau aktiviti-aktiviti di dalam zon perlindungan laluan tren MRT dan menguruskan isu-isu berbangkit oleh pihak-pihak ketiga dan pihak-pihak berkepentingan.

Pemantauan dan kawalan ke atas pengubahsuaian aset sedia ada melalui proses Permohonan Pengubahsuaian turut dilaksanakan oleh jabatan ini. Salah satu perkara utama yang dikendalikan ialah kerja-kerja yang berkaitan dengan pemindahan aset daripada Laluan KG ke Laluan PY. Perkara lain yang melibatkan pengubahsuaian adalah termasuk aktiviti-aktiviti pembangunan perniagaan MRT Corp.

Selain daripada itu, jabatan ini juga memudahkan audit-audit berfokus pada Laluan KG oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.

Penutupan Akaun Akhir

Tempoh Liabiliti Kecacatan bagi Laluan KG telah ditamatkan secara rasmi pada 16 Disember 2018 untuk Fasa Satu antara Stesen Sungai Buloh dan Portal Semantan termasuk Depoh Sungai Buloh, dan pada 17 Julai 2019 bagi Fasa Dua untuk baki Pakej Sivil dan Sistem.

Dengan itu, Mesyuarat Lembaga Semakan Kegagalan Tempoh Liabiliti Kecacatan telah digantikan dengan Mesyuarat Penutupan Projek untuk meneruskan penutupan senarai kecacatan akhir dan memastikan semua item kecacatan yang belum selesai ditutup sebelum Pensijilan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan kepada kontraktor pakej kerja sivil dan sistem.

Sepanjang tempoh laporan, penutupan akaun akhir berjalan dengan baik untuk pakej-pakej kerja yang telah diberikan Pensijilan Siap Membaiki Kecacatan.

Perolehan

Dalam tempoh laporan, dua tender yang dikeluarkan dan dianugerahkan bagi Laluan KG untuk baki kerja-kerja di Depoh Bas Desa Tun Razak dan Depoh Bas Kajang. Kerja-kerja tersebut diperlukan berdasarkan kepada keperluan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa untuk pengeluaran Pensijilan Siap dan Pematuhan (CCC). Pakej Kerja yang dianugerahkan diringkaskan dalam **Jadual 1**.

No	Kod	Pakej Kerja	Jumlah yang dianugerahkan (RM)	Isu Surat Penerimaan (LOA)
1.	DTRBUS	Cadangan Depoh Bas Perantara MRT dan Bangunan Kemudahan Sokongan Berkaitan untuk Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, Laluan KG di Lot 2816 (PA14383), Persiaran 2/118C, Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak, Mukim Petaling, Daerah Petaling 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	3,781,082.70	12 Aug 21
2.	KJGBUS	Cadangan Depoh Bas Perantara dan Bangunan Kemudahan Sokongan Berkaitan untuk Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, Laluan KG, di Lot 24728 Jalan Sungai Sekamat, 43000 Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor.	4,752,156.20	12 Aug 21
JUMLAH			8,533,238.90	

Tanah

Buat masa ini, urusan tanah bagi Laluan KG di peringkat pasca perolehan. Menurut Seksyen 25 Akta Pengambilan Tanah (LAA) 1960, Seksyen 62 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (NLC) 1965 dan juga berkaitan dengan dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 83 dan 85, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian hakmilik muktamad ke atas hakmilik-sambungan untuk lot tanah yang sebahagiannya telah diperoleh, reservasi tanah untuk jajaran MRT, dan pemindahan hak milik tanah menurut Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Dalam tempoh laporan, kemajuan untuk kerja kajian akhir adalah pada 85%. Aktiviti-aktiviti tersebut diringkaskan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Aktiviti Pasca Pengambilan Tanah

Aktiviti-aktiviti Pasca Pengambilan	Status
Hakmilik Sambungan	100%
Kajian Terowong	100%
Reservasi	52%
Keseluruhan Kemajuan	85%



Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Dengan objektif untuk membantu mengurangkan jerih payah gelandangan yang tinggal di jalanan dan mereka yang memerlukan, MRT Corp dengan kerjasama dengan Kechara Soup Kitchen (KSK) telah menaja 140 pek makanan yang telah diagihkan kepada gelandangan di dapur umum KSK di Jalan Barat, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2021. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah diteruskan dengan pemberian sumbangan kepada Sekolah Kebangsaan Sg Kantan, Kajang bagi menaik taraf sistem hebahan awam sekolah tersebut.

Seramai 30 peserta dari MRT Corp telah mengagihkan 3000 pek kurma kepada para komuter di stesen MRT Pasar Seni, Merdeka dan Bukit Bintang pada 22 April 2021. Ia telah diadakan dengan kerjasama dengan Bekind Malaysia sempena bulan Ramadhan yang penuh keberkatan, dalam menggalakkan warga kerja menyumbang semula kepada pihak masyarakat dengan bergiat aktif dalam kerja-kerja sukarela dan program-program amal.

Satu sidang media telah diadakan pada 6 Oktober 2021 untuk mengumumkan penutupan sementara tiga Stesen MRT Laluan KG - Kwasa Damansara, Kampung Selamat dan Sungai Buloh untuk kerja-kerja migrasi akhir. Penutupan stesen sementara adalah perlu untuk membolehkan migrasi akhir sistem operasi penting seperti komunikasi, semboyan dan lain-lain bahagian stesen tersebut dari Laluan KG ke Laluan PY.

Satu Kempen Kesedaran Anti-Rasuah berkaitan Pengangkutan Awam telah dilancarkan bersama oleh MRT Corp dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 22 November 2021, selaras dengan pendirian tegas Kerajaan terhadap isu rasuah. Kerjasama itu melibatkan poster kempen cetak dan digital dengan mesej anti-rasuah dipamerkan di panel atas dan panel dinding di dalam tren serta panel digital di stesen bawah tanah MRT Laluan KG termasuk balutan luar badan tren pada masa hadapan. Semasa majlis tersebut diadakan, MRT Corp turut menerima sijil ISO 37001:2016 (Sistem Pengurusan Anti-Rasuah) di atas kejayaan audit pensijilan semula.


MRT Corp telah menganjurkan edisi kedua program MRT Prihatin 2021 pada 17 Disember 2021 sebagai sebahagian daripada inisiatif CSR untuk komuniti. Bertujuan untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan, 100 asnaf atau mereka yang kurang bernasib baik yang tinggal berhampiran dengan Stesen MRT Sungai Buloh menerima bantuan wang tunai dan sumbangan makanan daripada Tabung Zakat Wakalah serta sumbangan daripada warga kerja. Program itu merupakan kerjasama dengan Persatuan Kebajikan Kembara Insani, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang giat membantu mereka yang memerlukan dan komuniti kurang berkemampuan.

Perhubungan Pihak Berkepentingan

Dalam tempoh laporan, terdapat 15 sesi pertemuan telah dijalankan untuk Laluan KG.

Pada waktu yang sama, MRT Corp juga telah terlibat dalam pertemuan bagi Laluan KG dengan memberikan sokongan dan bantuan kepada pengendali operasi laluan, Rapid Rail, dalam menangani isu operasi dan memenuhi aktiviti-aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat kepada pihak berkepentingan di sepanjang Laluan KG.





RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura



RTS Link Johor Bahru - Singapura

RTS Link Johor Bahru - Singapura merupakan perkhidmatan transit aliran ringan di antara Johor Bahru dan Singapura sepanjang 4km di antara dua stesen iaitu Bukit Chagar di Johor Bahru, dan Woodlands North di Singapura.

MRTS, anak syarikat MRT Corp, adalah Syarikat Infrastruktur Malaysia (InfraCo) yang menguruskan kontraktor dan perunding yang dilantik untuk pembinaan kerja-kerja infrastruktur di Malaysia untuk Projek RTS Link.

Projek itu termasuk pembinaan Stesen RTS Link Bukit Chagar; Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Chagar; jejambat bertingkat dan jejambat marin di atas Selat Johor, serta Depoh Penyelenggaraan RTS Link di Wadi Hana, Johor Bahru.

RTS Link dijangka beroperasi pada Disember 2026. Sebaik sahaja beroperasi, RTS Link dijangka mempunyai 40,000 pengguna harian pada tahun pertamanya. Ia akan membantu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan lintasan sempadan lain di antara Malaysia dan Singapura. Tren RTS Link mempunyai kapasiti 10,000 pengguna setiap jam, searah.

Pembinaan projek itu bermula secara rasmi pada 22 November 2020 dengan upacara pecah tanah yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor.



Peta Laluan RTS Link Johor Bahru - Singapura



Pembinaan

Tempoh laporan merupakan tahun yang mencabar bagi industri pembinaan akibat pandemik Covid-19 dan seperti juga pelbagai projek lain, projek RTS Link turut terjejas.

Walaupun bagaimanapun, projek itu berjaya memulakan beberapa aktiviti-aktiviti penting. Ini termasuk melengkapkan proses pengambilan tanah, yang mana memerlukan pengusiran penghuni satu lot tanah di Kampung Wadihana.

Aktiviti-aktiviti lain yang telah dijalankan termasuk aktiviti-aktiviti pra-pembinaan seperti pemasangan penghadang, penubuhan pejabat tapak, Ujian Awal Cerucuk (PTP) dan Penilaian Risiko Marin (MRA). Projek turut mendapat pengesahan tiada bantahan daripada kesemua sembilan pembekal perkhidmatan utiliti untuk memulakan kerja-kerja pemindahannya.

Pembinaan Projek RTS Link memerlukan kerja-kerja perancangan dan penyelarasan antara muka yang penting dengan Lembaga

Pengangkutan Darat (LTA) Singapura, yang merupakan Syarikat Infrastruktur Singapura (InfraCo Singapura) bagi projek ini, dan RTS Operations Pte Ltd (RTSO), Syarikat Operasi (OpCo) yang bertanggungjawab ke atas perolehan dan kerja-kerja sistem.

Mesyuarat dan perbincangan kerap diadakan dengan InfraCo Singapura dan OpCo di peringkat Jawatankuasa Kecil Bersama dan Kumpulan Kerja termasuk woksyp untuk menyelaraskan dan mengharmonikan kerja-kerja pembinaan.

Dalam tempoh laporan, kemajuan keseluruhan projek adalah pada 7.75%.



Perolehan

Sepanjang dalam tempoh laporan, tender untuk beberapa pakej kerja telah diumumkan manakala dua pakej kerja telah dianugerahkan. Status perolehan dipaparkan dalam **Jadual 1** manakala butiran kontrak perkhidmatan perundingan yang dianugerahkan dipaparkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 1: Status Perolehan

No	Kategori Pakej Kerja	Projek yang Dianugerahkan pada 1 Januari 2021 dan 31 Disember 2021	Projek yang Dianugerahkan
1	Perkhidmatan Perundingan:		
	i. Perunding Penyeliaan (SC)	1	1
	ii. Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS)	1	1
JUMLAH		2	2

Jadual 2: Perkhidmatan Perunding yang Dianugerahkan

No	Kod	Pakej Kerja	Jumlah Dianugerahkan (RM)	Surat Penerimaan (LOA)
1	-	Permohonan untuk Cadangan (RFP) bagi Pelantikan Perkhidmatan Perunding Penyeliaan	28,918,439.00	19 Ogo 21
2	-	Permohonan untuk Cadangan (RFP) bagi Pelantikan Vendor untuk Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS)	2,817,689.88	2 Sep 21
JUMLAH			31,736,128.88	

Penyertaan Bumiputera

Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp turut dilaksanakan bagi Projek RTS Link. Kementerian Kewangan telah meluluskan nilai potongan-keluar sebanyak 40% daripada jumlah nilai projek untuk diperuntukkan kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G7.

Menjelang penghujung tahun 2020, MRT Corp telah mempelawa kontraktor Bumiputera Gred G1 dan G2 yang berdaftar di daerah Johor Bahru dan kontraktor Gred G3 dan G4 yang berdaftar di Negeri Johor untuk mengemukakan Pernyataan Minat (EOI).

Dalam tempoh laporan ini, sejumlah 497 penyerahan telah diterima. Daripada jumlah ini, hanya 283 kontraktor yang lulus dalam proses

penilaian dan telah disenarai pendek. Keputusan penyerahan EOI di ringkaskan dalam Jadual 1.

Bagi kontraktor Bumiputera yang tergolong dalam Gred G5 dan G6, pemilihan untuk kontraktor tersebut akan dijalankan oleh Kontraktor Utama projek dengan kelulusan daripada MRTS.


Jadual 1: Keputusan Pernyataan Minat

Gred	Pemyerahan Diterima	Gagal	Lulus	Peratusan Lulus
G1	125	60	65	52%
G2	174	80	94	54%
G3	107	47	60	56%
G4	91	27	64	70%
Jumlah	497	214	283	56%

Tanah

Proses Pengambilan Tanah untuk Projek RTS Link dimulakan dengan penerbitan Warta bagi tanah lot yang diambil alih bagi projek di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada Oktober 2020. Ini diikuti dengan penerbitan Warta untuk jumlah keseluruhan daripada 48 tanah lot yang akan diambil alih bagi projek tersebut di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 21 Januari 2021.

Proses pengambilan tanah telah selesai dalam tempoh laporan ini. Jumlah pampasan yang telah dibayar adalah RM210,788,155.50. Aktiviti-aktiviti Pos-Pengambilan (Borang K) bermula pada Mei 2021 dan kemajuan keseluruhan dalam tempoh laporan adalah pada 75%.



Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Dalam tempoh laporan ini, terdapat beberapa acara dan aktiviti dengan melibatkan Projek RTS Link yang telah dijalkannya.

Susulan Majlis Pecah Tanah pada 22 November 2020, MRT Corp dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) telah melancarkan Pertandingan Mereka Bentuk Muka Bangunan Stesen RTS Link PAM+MRT Corp iaitu reka bentuk pada luaran Stesen RTS Link, Bukit Chagar. Penilaian pertandingan itu telah diadakan pada 8 Februari 2021 oleh Panel Juri yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor, yang juga penaung dalam pertandingan itu. Diikuti dengan kehadiran daripada Duli Yang Teramat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, serta Menteri Besar Johor ketika itu Dato' Haji Hasni Mohammad dan Presiden PAM Datuk Ar Ezumi Harzani Ismail.

Pertandingan itu diakhiri dengan Majlis Penyampaian hadiah, di mana majlis yang telah diadakan secara maya pada 19 Februari 2021. Pemenang bagi pertandingan itu ialah Ar Chin Yee Chong daripada firma SM Architects Sdn Bhd di Johor Bahru. Yee membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM250,000.00.

Pemeriksaan Awam untuk Projek RTS Link telah diadakan dari 15 Januari 2021 hingga 15 April 2021. Latihan itu diadakan secara maya disebabkan oleh pandemik Covid-19 tetapi terdapat sebuah gerai telah dibuka di Komtar JBCC serta Ibu Pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di Kuala Lumpur pada akhir bulan. Seramai 1,004 peserta telah dikumpul semasa Pemeriksaan Awam, iaitu 96% telah mempersetujui untuk melaksanakan projek tersebut.

Pada 19 April 2021, majlis penyampaian cek telah diadakan di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru, bagi menyampaikan

pampasan pengambilan tanah yang digunakan untuk projek kepada pemilik tanah.

Projek RTS Link juga telah menganjurkan beberapa lawatan peringkat tinggi dalam tempoh laporan ini, termasuk lawatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 28 Oktober 2021, diketuai oleh Ketua Pengarah Dato' Sri Ts Mohammad Hamdan Haji Wahid dengan perwakilan seramai 20 pegawai kanan.

Pada 23 November 2021, projek itu mengalu-alukan pawakil daripada Kementerian Pengangkutan yang dibawa bagi melawat di sepanjang jajaran RTS Link, tapak depoh penyelenggaraan dan stesen Bukit Chagar. Pawakil itu diketuai oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Tanah Kementerian Encik Muhammad Asraf Sukadi.

Perhubungan Pihak Berkepentingan

Dalam tahun tempoh laporan, beberapa penglibatan pihak berkepentingan telah dijalankan untuk memastikan komuniti yang tinggal bersebelahan dengan Projek RTS Link mendapat maklumat tentang aktiviti pembinaan. Interaksi juga diadakan dengan beberapa kementerian, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan Projek RTS Link dapat dibina tanpa sebarang gangguan.

Bengkel penecaman bahaya bersama dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut Malaysia telah diadakan pada 2 November 2021 untuk projek Penilaian Risiko Marin.

